

DPMM FC KUTIP 3 MATA PENUH

Oleh : Nooratini Haji Abas

BERAKAS, Ahad, 7 Disember. - DPMM FC berjaya meraih tiga mata penuh setelah menewaskan Imigresen FC dengan keputusan 4 - 2 dalam saingan Liga Super Malaysia 2025 / 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, malam tadi.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

>> Muka 2

Usahawan muda pacu masa depan BIMP-EAGA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Disember. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berucap menekankan bahawa inovasi merupakan aset yang berharga dalam ekonomi dunia sekarang.

Di seluruh BIMP-EAGA, kata Yang Berhormat, menyaksikan transformasi yang meyakinkan dalam bioteknologi, ketepatan pertanian, landasan digital, tenaga bersih dan pelancongan yang didayakan teknologi.

"Usahawan muda sudah pun merintis perubahan dengan menyesuaikan teknologi canggih dalam perikanan, menggunakan dron dalam pertanian, mengembangkan perdagangan digital dan menggunakan bioteknologi ke arah mengukuhkan keselamatan makanan," ujar Yang Berhormat pada Majlis Youth Dialogue Programme Bas Belia BIMP-EAGA 2025 di bangunan Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat, hari ini.

>> Muka 4

OKU ciptaan Allah penuh hikmah, kemuliaan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Disember. - Dalam Islam, orang kelainan upaya (OKU) bukan kekurangan tetapi ciptaan Allah yang penuh hikmah dan kemuliaan. Al-Quran menegaskan manusia dicipta dalam sebaik-baik kejadian, dan kerana itu, Islam mengharamkan segala bentuk penghinaan, diskriminasi, atau merendahkan mereka.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menunjukkan teladan jelas melalui layanan Baginda terhadap sahabat OKU seperti Ibn Umm Maktum, yang bukan sahaja dimuliahkan bahkan diberi amanah besar

sebagai *mu'azzin*, guru Al-Quran, dan penjaga Madinah ketika Nabi keluar berperang.

Sejarah Islam turut membuktikan bahawa ramai tokoh besar merupakan individu OKU yang menjadi aset ummah. Antaranya 'Ataa' ibn Abi Rabaah (27 Hijrah(H) hingga 114H), seorang ulama *tabi'in* yang buta dan lumpuh separa, namun dilantik sebagai mufti besar Mekah dan menjadi guru kepada generasi *tabi'in* serta perawi utama ilmu fekah dan tafsir.

>> Muka 4

Lawatan Kerja memperkukuh kerjasama dua hala dalam pendidikan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

REPUBLIK INDONESIA, Sabtu, 6 Disember. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, telah menamatkan lawatan kerja ke Bandung dan Jakarta, Republik Indonesia, yang telah berlangsung pada 2 hingga 6 Disember 2025.

Selaku Presiden Majlis Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (Southeast Asian Ministers of Education Organisation,

SEAMEO) bagi tahun 2025-2027, Yang Berhormat Menteri Pendidikan memegang peranan penting dalam mempromosikan kerjasama dalam kalangan Negara Anggota SEAMEO dengan mengadakan kunjungan hormat kepada Ahli-ahli Majlis SEAMEO dan lawatan rasmi ke Pusat/Rangkaian Serantau SEAMEO.

>> Muka 5



Berita Utama



AKP RTB 2025 hargai kreativiti penerbit dalam penyiaran

Muka 6



EDDY Iswanndy Ismail, Izan Safree juara Program OKU Got Talent

Muka 8



KOMITED memajukan ekonomi, kewangan Islam

Muka 18



SETIAP sumbangan sukarelawan amat bermakna

Muka 21



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menjunjung ziarah (atas), sementara gambar kanan, antara momen persaingan sengit yang dipaparkan ketika perlawanan tersebut berlangsung.

>> Muka 1

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Pada babak pertama, Imigresen FC mendahului perlawanan dengan menjaringkan gol pertamanya pada minit ke-5 melalui Wilmer

DPMM FC kutip 3 mata penuh

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Jordan.

Selang lapan minit kemudian, DPMM FC menyamakan kedudukan dengan menjaringkan satu gol melalui Azwan Ali Rahman, dan menambah lagi dua gol pada minit ke-21 dan minit ke-26 melalui jaringan Hakeme Yazid Said.

Imigresen FC mula bangkit pada babak kedua perlawanan setelah Wilmer Jordan sekali lagi menjaringkan gol kedua pasukannya menerusi sepakan penalti.

Walaupun hujan turun dengan lebat, DPMM FC tetap mempertahankan kedudukan mereka dengan menyudahkan gol keempatnya melalui Miguel Oliveira pada minit ke-86.

DPMM FC akan menentang Sabah FC pada Sabtu, 20 Disember 2025.

Sementara itu, DPMM FC kini berada di kedudukan ke-10 dengan kutipan lapan mata, manakala Imigresen FC kekal di kedudukan kesembilan dengan kutipan sembilan mata.



BERANGKAT sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.



WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER	JAMADILAKHIR									
MASIHI	HARI	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	ISNIN	17	4.43	4.53	6.17	6.41	12.13	3.35	6.07	7.22
9	SELASA	18	4.44	4.54	6.17	6.41	12.14	3.35	6.08	7.22
10	RABU	19	4.44	4.54	6.18	6.42	12.14	3.36	6.08	7.23
11	KHAMIS	20	4.45	4.55	6.18	6.42	12.14	3.36	6.09	7.23
12	JUMAAT	21	4.45	4.55	6.19	6.43	12.15	3.37	6.09	7.24
13	SABTU	22	4.46	4.56	6.19	6.43	12.15	3.37	6.10	7.24
14	AHAD	23	4.46	4.56	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
31 24 °C	31 23 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
32 24 °C	30 23 °C	31 25 °C	
Pekan Tutong			
31 24 °C	31 23 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
31 24 °C	31 24 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 8 DISEMBER 2025

Manfaatkan cuti sekolah sebaiknya

CUTI persekolahan bukan sekadar waktu untuk berehat, tetapi juga peluang untuk pelajar dan keluarga merancang aktiviti bermanfaat yang dapat meningkatkan perkembangan diri.

Cuti persekolahan sebenarnya membuka ruang yang luas kepada pelajar untuk mengembangkan potensi diri, mengasah kemahiran baharu dan menambah pengalaman bermanfaat. Dengan perancangan yang seimbang, tempoh cuti dapat menjadi fasa pembentukan sahsiah, kecerdasan dan kreativiti pelajar secara menyeluruh.

Sudah memasuki seminggu para pelajar menjalani cuti penggal persekolahan sebelum menempuhi tahun baharu dengan azam yang tekad yang baharu.

Dengan cuti sekolah yang panjang ini, ia adalah masa yang boleh dimanfaatkan untuk membina kemahiran insan seperti komunikasi berkesan, kepimpinan, pengurusan masa dan kerjasama. Kem-kem motivasi atau program berkhemah yang dianjurkan oleh sekolah, persatuan belia atau organisasi komuniti mampu membentuk daya tahan mental dan keyakinan diri pelajar.

Selain itu juga, aktiviti fizikal seperti berenang, berbasikal, mendaki dan bersukan bukan sahaja menyihatkan badan, malah membantu mengurangkan tekanan selepas tempoh peperiksaan. Gaya hidup aktif dan sihat perlu diterapkan sejak awal, dan cuti sekolah adalah waktu paling sesuai untuk membina rutin tersebut.

Dalam masa yang sama, penting bagi pelajar diberikan ruang rehat mental yang mencukupi. Tidur yang baik, pemakanan seimbang dan aktiviti santai seperti membaca buku atau menonton filem boleh membantu memulihkan tenaga dan emosi.

Para pelajar juga dinasihatkan untuk mengurangkan penggunaan telefon bimbit atau permainan video ataupun kawal penggunaan gajet agar perkembangan otak pelajar sentiasa berkembang meskipun di musim cuti persekolahan.

Dalam pada itu juga, para pelajar boleh menyertai kegiatan sukarelawan seperti gotong-royong yang setentunya memupuk nilai empati dan keprihatinan sosial dalam diri pelajar. Penglibatan sebegini mendidik pelajar untuk menghargai kepelbagaian masyarakat serta memahami tanggungjawab sebagai masyarakat yang baik.

Cuti persekolahan tidak harus dilihat sekadar masa untuk bersantai, sebaliknya peluang untuk pembangunan diri yang holistik. Melalui kombinasi rehat, pembelajaran, aktiviti fizikal, kreativiti dan penglibatan sosial, pelajar dapat membentuk potensi mereka dengan lebih menyeluruh.

Dengan sokongan ibu bapa, guru dan masyarakat, cuti sekolah mampu menjadi tempoh yang produktif, menyeronokkan dan penuh nilai bagi generasi muda yang bakal menerajui masa depan negara. – **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn


دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

DPMN BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Laurence Bay (atas kiri dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik

Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Laurence Bay yang akan menamatkan perkhidmatan pada majlis yang berlangsung di Qashr Al-Meezan, pagi tadi.

Tuan Yang Terutama telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 13 September 2023.

Berangkat ke Program Kemasyarakatan Jabatan Penjara, JDBM



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat dan menyertai acara Briskwalk sejauh 3 kilometer (km) bagi wanita pada Program Kemasyarakatan Jabatan Penjara serta Jabatan Daerah Brunei dan Muara dengan kolaborasi BIBD 2025 (atas kanan dan atas kiri). Manakala gambar bawah kanan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah berkenan melawat salah sebuah reruai Ekspo Jualan Jabatan Penjara pada acara berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Disember. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Program Kemasyarakatan Jabatan Penjara serta Jabatan Daerah Brunei dan Muara dengan kolaborasi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) 2025.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah di BIBD Connect, Taman Mahkota Jubli Emas, di sini, dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji

Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Pada acara tersebut, Yang Teramat Mulia berkenan menyertai acara Briskwalk sejauh 3 kilometer (km) bagi wanita yang bermula dan berakhir di BIBD Connect.

Terdahulu itu, acara dimulakan dengan senaman pemanasan badan.

Turut diadakan semasa acara tersebut ialah aktiviti Riadah Berbasikal sejauh 10km.

Sejurus menyertai acara Briskwalk, Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan Pameran dan Ekspo Jualan Jabatan Penjara serta vendor-vendor jemputan.

Sebelum berangkat balik, Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan Perlawanan Akhir Tarik Kalat di antara pasukan

SETIA Protective Security Services (SPSS) dan pasukan Jabatan Penjara Brunei.

Perlawanan berkesudahan dengan SPSS meraih tempat pertama, diikuti oleh Jabatan Penjara Brunei di tempat kedua, manakala Penjara Sabah menempatkan diri di tempat ketiga.

Antara acara sampingan yang diadakan termasuk Persembahan Seni Bela Diri (Prison Self Defence), Persembahan dari Pasukan Serunai dan Tambur Jabatan Penjara; Penyampaian hadiah dan cenderamata serta sumbangan kepada Rakan-rakan Seliaan; juga Permainan Sukan Ria dan Fun Game.



OKU CIPTAAN ALLAH PENUH HIKMAH, KEMULIAAN

>> Muka 1

Demikian antara perkara yang ditekankan di dalam tazkirah yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Hilman bin Haji Salim, bagi menyerikan Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) kali Ke-210 sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) Tahun 2025.

Jelasnya lagi, begitu juga al-A'mash, Sulaiman ibn Mihran (61H hingga 148H), seorang *tabi'in* kecil yang rabun dan lemah fizikal, tetapi beliau menjadi antara perawi hadis paling *tsiqah* (kredibel) dan rujukan utama dalam ilmu sanad hingga hari ini.

Tambahnya, mereka membuktikan bahawa potensi, ilmu dan kepimpinan tidak terhalang oleh kekurangan fizikal. OKU juga mempunyai hak sosial, pendidikan dan ibadah, termasuk *rukhsah* yang menunjukkan rahmah syariat.

"Mereka bukan beban, tetapi sebahagian daripada kekuatan ummah. Oleh itu, masyarakat dan institusi bertanggungjawab menyediakan sokongan, akses dan peluang yang adil untuk memuliakan mereka, agar komuniti kita menjadi lebih penyayang, inklusif dan diberkati Allah," ujarnya.

Program Malam Munajat berkenaan disertai oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jemaah daripada beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja KHEU dan juga individu yang mengikuti program berkenaan secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, KKBS, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan), Kampung Bengkurong.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Ketua Unit Sekolah Ugama, Bahagian Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), KHEU, Awang Haji Mohammad Suffri Sofian bin Haji Mohammad Umar, dari Pusat Ehsan.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Pelajaran Lanjutan, JPI, KHEU, Awang Haji Sufri bin Amit @ Othman, dari Pusat Ehsan.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Kanan, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Pengiran Haziq Al-Mukhtar bin Pengiran Haji Shahbudin.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Pemangku Ketua Guru Ugama, Pemangku Pegawai Pembangunan Masyarakat, Pusat Bahagia Daerah Brunei dan Muara, KKBS, Awang Haji Nuurmatin bin Haji Abu Bakar, dari Pusat Ehsan.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut memeriahkan acara Malam Munajat berkenaan dengan kehadiran secara maya.

beramai ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

berjangkit.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam

Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan <http://tiny.cc/munajatkheu>.

Usahawan muda pacu masa depan BIMP-EAGA

>> Muka 1

Menurut Yang Berhormat lagi, banyak alat transformasi seperti Kecerdasan Buatan, perkhidmatan awan, pembayaran digital dan perdagangan rentas sempadan sudah pun tersedia.

Inovator yang berjaya ialah mereka yang dapat mengintegrasikan alat-alat tersebut, menyesuaikan model yang telah terbukti, dan mengolah teknologi global agar sesuai dengan keperluan tempatan dan serantau.

"Di sekeliling kita, teknologi berkembang pesat, kesalinghubungan digital semakin meluas, pasaran e-Global berubah, mengubah cara perniagaan bersaing serta cara manusia hidup dan bekerja.

"Dalam landskap ini, keusahawanan tidak lagi terikat oleh usia, geografi atau skala. Satu idea inovatif yang digerakkan oleh teknologi dan kolaborasi mampu mengubah industri, mencipta pasaran baharu dan meningkatkan kesejahteraan komuniti," ujar Yang Berhormat.

Tegas Yang Berhormat, realiti itu menekankan satu mesej yang jelas iaitu usahawan muda bukan sekadar peserta dalam ekonomi, mereka adalah arkitek masa depan BIMP-EAGA yang dipacu oleh inovasi.

Dalam semangat itu, tambahnya, kita menghayati tema perhimpunan hari ini iaitu 'Mencorakkan Masa Depan Inovasi dan Kolaborasi Rentas Sempadan

untuk Usahawan Generasi Baharu' yang mana tema ini mengingatkan bahawa masa depan mesti dibina dengan niat, inovasi, dan usaha kolektif merentasi sempadan.

Lebih 200 belia menghadiri Youth Forum Brunei Edisi Ke-4 yang dianjurkan bersama oleh Young Professionals Network Brunei dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersempena Program Bas Belia BIMP-EAGA 2025.

Sesi pertama 'Generasi Usahawan Seterusnya : Belia sebagai Pemangkin Perubahan' menampilkan dialog terbuka bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Abdul Hamid dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dengan moderasi oleh Fadli M. Zaini dari Young Professionals Network.

Dalam sesi tersebut, para panel berkongsi mengenai perubahan zaman dan generasi serta bagaimana belia akan memacu ekonomi, negara dan masyarakat. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee menekankan bahawa belia adalah pemangkin perubahan kerana mereka melihat dunia dengan perspektif yang berbeza.

Sesi tersebut diteruskan dengan sesi kedua bertajuk 'Merentasi Sempadan : Belia, Perdagangan

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Majlis Youth Dialogue Programme Bas Belia BIMP-EAGA 2025 yang telah berlangsung di Bangunan Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat.

dan Kesepakatan dalam BIMP-EAGA' bersama para usahawan muda dan Delegasi BIMP-EAGA Youth Bus 2025, Pengasas Borneo Fertilyst (Malaysia), Siti Subailah binti Suod; Pengasas Tautan Rasa Resin Jewelry (Republik Indonesia), Fionna Nur Illahi; Ketua Pegawai Eksekutif Nolauntiran (Pegawai Indonesia), Nanda Irfan Fathan serta Presiden Young Entrepreneurs Association of Brunei, Goh Chai Li dan dimoderasikan oleh Mohammad Nur Afiq Izzuddin bin Abdul Mujiib Yahya dari Young Professionals Network.

Sesi panel kedua menekankan kepentingan kolaborasi dan kerjasama melangkaui hubungan ekonomi dalam BIMP-EAGA, khususnya dalam kalangan belia.

Melalui sesi ini, para panel berkongsi perjalanan dan pengalaman peribadi mereka mengatasi cabaran sebagai usahawan muda. Selain itu, mereka turut menyatakan aspirasi mereka untuk melihat BIMP-EAGA



**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

menjadi instrumen bagi kolaborasi yang lebih kukuh melalui projek rentas sempadan dan kerjasama perniagaan yang berdaya maju bukan sahaja menghasilkan nilai ekonomi tetapi juga nilai sosial yang mampan dalam membentuk rasa 'kebersamaan', keharmonian dan perpaduan di semua peringkat masyarakat.

Youth Forum Brunei (YFB) ialah sebuah platform yang menghimpunkan pemimpin muda dan pembuat dasar untuk membincangkan pandangan, cabaran dan peluang bagi pembangunan Brunei, selaras dengan aspirasinya untuk mempromosikan penyertaan dan

kepemimpinan belia dalam pembangunan ekonomi, nasional dan serantau.

Pada asalnya merupakan kesinambungan Brunei Chevening Youth Forum yang dianjurkan sejak 2015 oleh Chevening Alumni Brunei yang telah menghimpunkan lebih daripada 1,450 pemimpin muda melalui 11 forum, bengkel dan siri syarahan.

YFB berhasrat untuk terus menyediakan platform bagi dialog konstruktif serta ruang di mana golongan belia dapat berhubung dengan rakan sebaya yang sehaluan dan berasa selamat untuk menyuarakan pandangan mereka.

LAWATAN KERJA MEMPERKUKUH KERJASAMA DUA HALA DALAM PENDIDIKAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa lawatan kerja ke Bandung dan Jakarta, Republik Indonesia, yang berlangsung pada 2 hingga 6 Disember 2025.

>> Muka 1

Semasa berada di Republik Indonesia, Yang Berhormat melawat Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Pusat Serantau SEAMEO bagi Penjagaan, Pendidikan dan Keibubapaan Awal Kanak-kanak (SEAMEO Regional Centre for Early Childhood Care, Education and Parenting, CECCEP) di Bandung.

Yang Berhormat diberikan taklimat mengenai fungsi pusat tersebut yang memfokuskan kepada penyelidikan, advokasi,

dan pembangunan kapasiti bagi pihak berkepentingan dalam penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak, serta keibubapaan, berserta program-program utama mereka.

Seterusnya, Yang Berhormat mengadakan lawatan ke Pusat Serantau SEAMEO bagi Peningkatan Kualiti Guru dan Tenaga Pendidikan dalam Sains (SEAMEO Regional Centre for Quality Improvement for Teachers and Education Personnel in Science, SEAQIS), yang turut disertai oleh Pusat Serantau bagi

Peningkatan Kualiti Guru dan Tenaga Pendidikan dalam Matematik (SEAMEO Regional Centre for Quality Improvement for Teachers and Education Personnel in Mathematics, SEAQIM).

Kedua-dua pusat tersebut berfungsi sebagai pusat kecemerlangan dalam pembangunan profesional guru serta tenaga pendidikan dalam bidang sains dan matematik.

Yang Berhormat turut mengadakan lawatan ke Ekspo Pembelajaran STEM Young Explorers dan Sekolah Tadika

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

Assalam, bagi menyaksikan aktiviti pembelajaran secara langsung dan eksploratori yang memfokuskan secara khusus kepada Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM).

Yang Berhormat seterusnya berkunjung ke Pusat Serantau SEAMEO bagi Peningkatan Kualiti Guru dan Tenaga Pendidikan dalam Bahasa (SEAMEO Regional Centre for Quality Improvement for Teachers and Education Personnel in Language, SEAQIL), yang turut disertai oleh Ahli Lembaga Pengarah dari Pusat Serantau SEAMEO bagi Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (SEAMEO Regional Centre for Open and Distance Learning, SEAMOLEC), Pusat Serantau SEAMEO bagi Makanan dan Pemakanan (SEAMEO Regional Centre for Food and Nutrition, RECFON), dan Pusat Serantau SEAMEO bagi Biologi Tropika (SEAMEO Regional Centre for Tropical Biology, BIOTROP).

Yang Berhormat telah dikongsikan maklumat secara keseluruhan mengenai peranan dan kepakaran yang ditawarkan oleh setiap pusat serantau, termasuk hasil, dan sumbangan setiap pusat, dengan mengambil maklum penglibatan peserta dari Negara Brunei Darussalam (NBD) sebelum ini.

Lawatan kerja tersebut diakhiri dengan kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Pendidikan

Dasar dan Menengah Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prof. Atip Latipulhayat, untuk membincangkan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara.

Semasa kunjungan hormat tersebut, Yang Berhormat turut diiringi oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Kadir.

Sepanjang lawatan kerja itu, Yang Berhormat telah diiringi oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Kanchanawati binti Haji Tajuddin, selaku Pengerusi Mesyuarat Pegawai-pegawai Tinggi SEAMEO bagi tempoh 2024-2026.

Dr. Shamsiah, juga selaku Setiausaha Agung Suruhanjaya Kebangsaan Brunei Darussalam bagi UNESCO, telah mengambil kesempatan untuk melawat Pejabat UNESCO di Jakarta dan mengunjungi Pengarah Pejabat Serantau Pelbagai Sektor UNESCO dan Wakil UNESCO untuk Republik Indonesia, NBD, Malaysia, Republik Filipina, dan Republik Timor-Leste, Maki Katsuno-Hayashikawa.

Turut mengiringi Yang Berhormat dan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan ke lawatan kerja tersebut ialah pegawai-pegawai dari kementerian berkenaan.

Galakkan penglibatan belia dalam aktiviti amal



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUNGKU, Ahad, 7 Disember. - Kumpulan Belia Masjid Ashabul Haliim, Belia Masjid Pengiran Muda Abdul Malik dan Belia Ashabul Akhyar, Belia Masjid Ashabul Lumapas dengan kerjasama Belia Masjid Senegara serta sokongan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan program 'Belia Masjid Prihatin 3.0: Tahaddu Tahabbu & Back 2 School Special' bermula pada 17 November hingga 4 Disember 2025.

Program berkenaan merupakan inisiatif kutipan sumbangan daripada orang ramai dalam bentuk peralatan sekolah bagi membantu anak-anak yatim serta keluarga yang kurang berkemampuan.

Majlis penyerahan sumbangan program tersebut mengambil tempat di Masjid Pengiran Muda

Abdul Malik, Kampung Tungku.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan sesi penyerahan sumbangan berupa barangan keperluan sekolah berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga hadir, pengarah-pengarah serta pegawai dari KHEU.

Atur cara penyerahan sumbangan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Sayyidul Istighfar serta doa, diikuti dengan penyampaian inti sari ayat yang telah diperdengarkan.

Acara turut diisi dengan ucapan oleh Awang Mohammad Shahmie bin Mohammad Sani, selaku Pengerusi Program, diikuti dengan tayangan video montaj Belia Masjid Prihatin 3.0 bertema 'Tahaddu



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir menyempurnakan sesi penyerahan sumbangan kepada para penerima yang terpilih (atas dan atas kiri).

Tahabbu & Back 2 School Special'.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sumbangan kepada 32 orang penerima, dan diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Antara tujuan program ini adalah bagi membantu murid-murid dari keluarga asnaf agar dapat meneruskan pembelajaran dan meningkatkan prestasi akademik melalui sokongan moral serta bantuan daripada komuniti.

Di samping itu, program bertujuan menggalakkan penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti amal serta memupuk semangat keprihatinan dan kasih sayang terhadap golongan

memerlukan.

Program juga dihasratkan untuk mengimarahkan masjid sebagai pusat masyarakat Islam dengan menarik lebih ramai penduduk untuk menyertai aktiviti kemasyarakatan, serta membentuk komuniti Islam yang harmoni dan bertanggungjawab melalui penerapan nilai ringan tulang, peduli dan saling membantu sesama sendiri.

Program ini diharap akan dapat melahirkan masyarakat yang prihatin dan dermawan sekali gus mengajak masyarakat untuk saling memberi, selain memperbanyakkan amalan semata-mata untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.



AWANG Mohammad Shahmie bin Mohammad Sani selaku Pengerusi Program semasa berucap.

AKP RTB 2025 HARGAI KREATIVITI PENERBIT DALAM PENYIARAN



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Disember. - Dalam usaha untuk memberi pengiktirafan terhadap kreativiti para penerbit dalam bidang penyiaran dan media negara, Radio Televisyen Brunei (RTB) telah menganjurkan Anugerah Karya Penyiaran (AKP) RTB 2025 bertempat di Dewan Teater, Jabatan Perdana Menteri (JPM), malam tadi.

Pada acara ini, sebanyak 37 anugerah disampaikan di bawah tujuh bidang kategori utama iaitu Kategori Perkhidmatan Sokongan, Kategori Penerbitan TV, Kategori Penerbitan Radio, Kategori Penerbitan Berita, Kategori Penerbitan Media Digital, Kategori Popular dan Kategori Anugerah Khas. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan anugerah khas iaitu Anugerah Bakti Penyiaran ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus.

Penerima Anugerah Bakti Penyiaran ialah Awang Haji Md. Hussain bin Abdul Rahman, yang merupakan mantan Pegawai Kanan RTB. Beliau banyak menyumbang dalam penerbitan televisyen dan radio dan antara rancangan popular dahulu antaranya Katak Atas Tempurung dan Ole Ole Pop. Pada masa ini masih bertugas dan dilantik sebagai Setiausaha Satu ASTERAWANI (Angkatan Sasterawan dan Sasterawani)

Brunei.

Sementara itu, penerima Anugerah Insan Seni ialah Dayang Hajah Rabiah binti Puteh atau lebih dikenali sebagai Dang Limah. Beliau telah mewarnai skrin televisyen dengan lakonan Drama Brunei yang popular dalam kalangan masyarakat Brunei bersama pelakon temama Allahyarham Kudil, Dayangku Maskuin dan pelakon seangkatan.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali, yang juga menyampaikan anugerah.

Para penerima bagi kategori lain ialah Kurnia One yang diumumkan sebagai penerima anugerah Suntingan Terbaik (Bukan Drama) melalui Kid Sinar Special Edition bagi Kategori Perkhidmatan Sokongan. Dayang Salmah binti Ismail menerima anugerah Penataan Bunyi Terbaik (Studio) bagi Chit Chat Cafe Episod 2. Manakala Awang Md. Jafrind bin Haji Japar dianugerahkan Penataan Cahaya Terbaik melalui Anugerah Express E-Hits 2022.

Pengiktirafan Montaj TV Terbaik dan Grafik TV Terbaik diraih oleh Awang Md. Ariffin bin Haji Metussin dan Awang Md. Rayyan Reyza bin Abdullah Then melalui Permaisuri Saleha.

Anugerah Set TV Terbaik diberikan kepada Dayangku Siti Nurbainun binti Pengiran Lutfi bagi



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat pada Anugerah Karya Penyiaran (AKP) RTB 2025 dan seterusnya menyampaikan anugerah khas kepada salah seorang penerima (atas dan kiri).

Anugerah Pelangi 7, manakala Awang Haji Muhammad Azizi bin Awang Ahmad menerima Mojo Terbaik melalui Seperti Mati Hidup Semula.

Kategori Perkhidmatan Sokongan ditutup dengan kemenangan Awang Al-Fayyadh bin Metusin dan Awang Md. Ariffin bin Haji Metussin bagi Promo TV Terbaik melalui Asmaul Husna 2021, manakala Dayang Norhaffiydzah binti Lamat menerima anugerah Promo Radio Terbaik melalui Selera Ramadan.

Bagi Kategori Penerbitan TV, Dayang Hajah Masmahirah binti Haji Md. Tali menerima anugerah Rancangan Kanak-Kanak TV Terbaik melalui Geng 7 Puak, manakala Dayang Hajah Hanifu Norhafizah binti Mohd. Salleh menerima anugerah Rancangan Bual Bicara TV Terbaik bagi Bicara Semasa: Belia Hari Ini Pemimpin Hari Esok.

Dayang Nurain binti Abdullah dari Regalblue Production dinobatkan sebagai pemenang Rancangan Drama TV Terbaik melalui Aku Calikah?, manakala Dayang Siti Alizah binti Haji Bagol menerima anugerah Rancangan Dokumentari/Majalah TV Terbaik melalui Aduh Panya Episod 1 - Semut Gandang.

Anugerah Rancangan Hiburan TV Terbaik diberikan kepada Awang Mohd. Hirwan bin Ibrahim untuk Chit Chat Cafe Episod 2, dan Awang Amirul Jazli bin Jali menerima anugerah Rancangan Realiti TV Terbaik bagi Wee Fishing Episod 3.

Awang Al-Fayyadh bin Metusin dianugerahkan Rancangan Dakwah TV Terbaik menerusi Dirikan Solat.

Manakala Dayang Nurain binti Abdullah dari Regalblue Production turut memenangi anugerah Pesanan Khidmat Masyarakat (PKM) TV Terbaik melalui Hari Keluarga Kebahagiaan.

Kategori Penerbitan TV diakhiri dengan pengiktirafan Dayang Hajah Zaimah binti Haji Abd. Rahman sebagai penerima anugerah Penerbitan Siaran Langsung TV Terbaik melalui Rentak Optima - Final.

Majlis diteruskan dengan Kategori Perkhidmatan Radio, di mana Dayang Nor Kamalia binti Haji Abd. Jalil menerima anugerah Rancangan Bual Bicara Radio Terbaik menerusi An-Nisa Ibu Naja Hafiz Indonesia.

Awang Adi Faiz bin Jaludin menerima anugerah Rancangan Dakwah Radio Terbaik untuk Ramadhan Asy-Syifaa Episod 11, dan Awang Md. Alif Amsyar Izzul Islam bin Suhaili memenangi anugerah Pesanan Khidmat Masyarakat (PKM) Radio Terbaik bagi Pemulihan Selepas Jangkitan COVID-19.

Bagi platform audio digital, Dayang Nurul Izzati binti Haji Nordin diumumkan sebagai pemenang Podcast RTB Terbaik melalui Minding The Gap Musim 2.

Dalam Kategori Penerbitan Berita, Dayang Hajah Sahrinah binti Haji Abd. Ghani dianugerahkan Liputan Berita Kreatif Terbaik menerusi Aspirasi Belia Mencapai Wawasan 2035. Awang Haji Md. Daud bin Haji Kamis menerima anugerah Pakej Program Hal

Ehwal Semasa Kreatif Terbaik bagi liputan Berkhemah ke Taman Riadah Bukit Saeh, Lumapas.

Dayang Siti Nur Maziyyah binti Jini pula memenangi Projek Berita Kreatif Terbaik melalui Impak Penggunaan Jentera Berteknologi Tinggi Kepada Pembekal Perkhidmatan Penyembelihan Ayam Tempatan.

Dalam Kategori Penerbitan Media Digital, Hadiyul Studio menerima anugerah Video On Demand menerusi Catatan Misteri Mini Series (2023) Episod 1: Telekung Arwah Aida (Bahagian 2), manakala Dayang Nur 'Alya Fareedah binti Haji Mohammad menerima anugerah Podcast bagi Terkenang Semasa Dulu (2022): Mengenang Jasa Guru Aie Mulanya.

Kategori Popular menyaksikan Awang Tauffek Ilyas menerima pengiktirafan sebagai Pelakon TV Lelaki Popular, manakala Pengiran Hajah Rokiah binti Pengiran Haji Abdullah dinobatkan Pelakon TV Wanita Popular.

Dalam penyiaran radio, DJ Alif dan DJ Ann masing-masing menerima anugerah Penyampai Radio Lelaki RTB Popular dan Penyampai Radio Wanita RTB Popular.

Awang Adi Faiz Jaludin menerima anugerah Pengacara TV Lelaki Popular, manakala Dayang Suzan Maidin menerima anugerah Pengacara TV Wanita Popular.

Kategori popular ditutup dengan penyampaian anugerah Penyiar Berita Lelaki RTB Popular kepada Awang Ahmad Nur Irsyaduddin Hasrom, manakala anugerah Penyiar Berita Wanita RTB Popular dimenangi oleh Dayang Waznah Fakhriana Othman.

Turut hadir, Pemangku Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong; pegawai-pegawai kanan kerajaan serta orang ramai. Objektif AKP RTB 2025 ini diadakan adalah bagi menghargai kreativiti kepada karya-karya yang dihasilkan oleh para penerbit.

Ia juga bertujuan meningkatkan kualiti penerbitan dalam bidang penyiaran bagi memperkenalkan inovasi kandungan yang disiarkan kepada pendengar dan penonton.

Di samping itu, ia bertujuan untuk merealisasikan platform persaingan secara sihat, membolehkan pertukaran pengalaman serta membina hubungan profesional bagi meningkatkan karier masing-masing.

Memupuk nilai sivik, rasa kebersamaan, tanggungjawab bersama

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

LAMBAK KANAN, Ahad, 7 Disember. - Masjid yang kita rujuk sebagai rumah Allah mempunyai fungsi yang besar untuk dimanfaatkan, bukan sahaja sebagai tempat beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala malah menjadi pusat aktiviti masyarakat.

Oleh kerana itu, menjaga kebersihan masjid adalah tanggungjawab semua pihak agar kesucian tempat beribadah berkenaan sentiasa terpelihara sama ada di dalam masjid ataupun di luarnya.

Sehubungan dengan itu, Mukim Berakas 'B' dengan kerjasama Masjid Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan mengadakan Kempen Gotong Royong Bersepadu Mukim Berakas 'B'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang

Haji Daud bin Jihan, juga Ketua Kampung Belimbing, Daerah Brunei dan Muara.

Terdahulu, Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah dalam ucapannya menjelaskan bahawa tujuan utama kempen berkenaan diadakan adalah untuk menyatupadukan penduduk mukim dan kampung.

Jelasnya, aktiviti gotong-royong bukan sahaja membersihkan persekitaran bahkan memupuk nilai sivik, rasa kebersamaan dan tanggungjawab bersama, khususnya dalam menjaga kebersihan serta kemurnian rumah Allah.

"Selaras dengan komitmen dan usaha ini, alhamdulillah, Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B' dengan sokongan padu pelbagai pihak berjaya mendapatkan

sebanyak 14 buah mesin rumput dan satu buah chainsaw hasil tajaan syarikat-syarikat swasta dan individu perseorangan," ujarnya.

Awang Haji Syed Mohd. Yassin seterusnya merakamkan penghargaan kepada Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) atas penajaan lima mesin rumput dan satu chainsaw; Brunei Engineering Logistics and Training Solutions (BELTS) yang menaja lima mesin rumput; dan Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) yang menaja tiga mesin rumput.

Tambahnya lagi, satu mesin rumput adalah hasil sumbangan individu persendirian, manakala sumbangan berbentuk minuman dan peralatan kempen seperti air, minuman dan plastik sampah dari Persatuan TIBA (KOTIBA) dan Sri Azlinaz Sdn. Bhd.

Acara diteruskan dengan pelancaran slogan Kempen Mukim Berakas 'B', iaitu 'Mukim Bersih, Akal Sihat, Masyarakat Harmoni Bermuafakat'.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampung Belimbing hadir selaku tetamu kehormat Kempen Gotong Royong Bersepadu Mukim Berakas 'B'.



■ Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

KIULAP, Sabtu, 6 Disember. - Al-Afiah Hotel dan Café Al-Afiah telah menganjurkan Majlis Penyampaian dan Sumbangan Derma bagi Keperluan Persediaan Persekolahan Sesi Tahun 2026 kepada 86 pelajar sekolah dalam kalangan keluarga yang kurang berkemampuan di negara ini berlangsung di hotel berkenaan, petang tadi.

Para penerima sumbangan derma berupa wang tunai dan baucar itu terdiri daripada 35 orang yang berdaftar di bawah pengendalian Perkhidmatan Kebajikan Perubatan (Medical Social Work) Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS); 20 orang yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); 15 orang yang berdaftar di bawah Aftercare Support Association (AFSA); tujuh orang anak-anak yatim dari Kampung Kiulap; empat orang kanak-kanak dari Sekolah Riverside Cawangan Sungai Matan dan Masin dan lima orang kanak-kanak daripada keluarga kakitangan Al-Afiah

Hotel.

Sehubungan itu, antara yang hadir bagi menyempurnakan sesi penyampaian sumbangan derma berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof yang juga selaku Pengerusi Al-Afiah Hotel dan Pengarah Urusan Yusof dan Aminah Properties.



Semasa menyampaikan ucapan di majlis berkenaan, Yang Berhormat Ahli MMN antaranya menyatakan dengan adanya sumbangan derma berkenaan diharap dapat meringankan beban golongan keluarga yang kurang berkemampuan bagi keperluan persediaan peralatan dan pakaian persekolahan anak-anak mereka bagi sesi tahun 2026.

Ini juga dihasrat untuk membantu dan menjamin golongan kanak-kanak yang menerima sumbangan itu ke arah meneruskan pembelajaran persekolahan mereka masing-masing sekali gus memastikan kehidupan yang lebih cerah pada masa akan datang.

Majlis ini merupakan aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan yang diadakan secara tahunan anjuran Al-Afiah Hotel dan Café Al-Afiah.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, juga selaku Pengerusi Al-Afiah Hotel dan Pengarah Urusan Yusof dan Aminah Properties hadir bagi menyempurnakan sesi penyampaian sumbangan derma berkenaan (atas dan kiri). Sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Pembayaran Pakej Haji dibukakan 8 Disember ini

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji (JUH) ingin memaklumkan kepada bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan ibadat haji bagi Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bahawa pembayaran Pakej Haji bagi Musim Haji Tahun 1447H / 2026M akan bermula pada Isnin, 17 Jamadilakhir 1447H bersamaan 8 Disember 2025M dan berakhir pada Rabu, 10 Rejab 1447H bersamaan 31 Disember 2025M.

Sehubungan itu, bakal jemaah haji yang telah disahkan sihat (*fit*) untuk menunaikan ibadat haji oleh Kementerian Kesihatan dan menerima surat pengesahan untuk menunaikan ibadat haji bagi Musim Haji Tahun 1447H/2026M dari JUH adalah dikehendaki untuk membuat pembayaran penuh harga Pakej Haji kepada Syarikat Pengendali Perkhidmatan Pakej Haji yang dipilih pada waktu yang telah ditetapkan tersebut bagi memastikan semua urusan Haji berjalan dengan lancar dan teratur.

Bakal jemaah haji bolehlah berhubung terus dengan Syarikat Pengendali Perkhidmatan Pakej Haji yang dipilih untuk sebarang maklumat lanjut mengenai Pakej Haji yang ditawarkan dan proses pembayaran Pakej Haji.

BAKAL jemaah haji yang telah disahkan sihat (*fit*) untuk menunaikan ibadat haji oleh Kementerian Kesihatan dan menerima surat pengesahan untuk menunaikan ibadat haji bagi Musim Haji Tahun 1447H/2026M dari JUH adalah dikehendaki untuk membuat pembayaran penuh harga Pakej Haji kepada Syarikat Pengendali Perkhidmatan Pakej Haji yang dipilih pada waktu yang telah ditetapkan tersebut bagi memastikan semua urusan Haji berjalan dengan lancar dan teratur.



Pelancaran Video Korporat TF KPLMP

TEMBURONG, Sabtu, 6 Disember. - Task Force Keselamatan Pelantar Minyak Luar Pantai (TF KPMLP) telah melancarkan Video Korporat rasmi dalam satu majlis yang diadakan di BIBD Connect Labu, Daerah Temburong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan Video Korporat TF KPMLP ialah Pemangku Pengarah Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei, Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP) Haji Hamri Aslan bin Haji Abu Hanafiah juga selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Sekuriti Sempadan.

Selain berperanan sebagai platform komunikasi strategik bagi mengetengahkan kerjasama bersepadu antara agensi kerajaan, pihak berkepentingan, industri dan komuniti, Video Korporat TF KPMLP juga bertujuan untuk memperkenalkan peranan, fungsi dan komitmen Task Force dalam memperkukuhkan keselamatan pelantar minyak luar pantai serta perairan negara, di samping meningkatkan kesedaran awam terhadap keselamatan maritim sebagai tanggungjawab bersama selaras dengan pendekatan Whole of Government dan Whole of



SUASANA pada majlis berkenaan yang diadakan di BIBD Connect Labu, Daerah Temburong (atas dan bawah kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

Nation.

Video Korporat TF KPMLP tersebut dibiayai oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), salah satu Ahli TF KPMLP.

Sumbangan ini mencerminkan komitmen bersepadu agensi-agensi berkepentingan dalam meningkatkan kesedaran awam

mengenai keselamatan perairan Negara Brunei Darussalam.

Majlis turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan, wakil agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan, wakil operator minyak dan gas serta Penghulu-penghulu serta Ketua-ketua Kampung dari Daerah Temburong.

EDDY ISWANNDY ISMAIL, IZAN SAFREE JUARA PROGRAM OKU GOT TALENT



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Sabtu, 6 Disember. - Awang Eddy Iswanndy Ismail bin Imran dan Awang Muhamad Izan Safree bin Radat masing-masing muncul juara bagi Kategori Permata dan Kategori Mekar pada Program 'OKU Serlahkan Bakatmu (OKU Got Talent) 2025' sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) pada tahun ini.

Tempat kedua bagi Kategori Permata disandang oleh Awang

Mohammad Rozyman bin Norman, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Awang Muhammad Rafiq Irfan bin Mohamad Affendy.

Bagi kategori 'Mekar', Dayangku Soffiezah binti Pengiran Haji Abu Bakar meraih tempat kedua, sementara Dayang Safarinah binti Hashim memenangi tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang

SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada salah seorang penerima.

ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Juara bagi kategori 'Permata' (25 tahun ke bawah) dan 'Mekar' (26 tahun ke atas) masing-masing menerima hadiah piala, sijil penyertaan, wang tunai berjumlah BND2,000 dan kelas bimbingan sepanjang hayat (*lifetime monitoring class*).

Tempat kedua, menerima piala, sijil penyertaan dan wang tunai berjumlah BND1,000 serta kelas bimbingan sepanjang hayat (*lifetime monitoring class*).

Manakala, tempat ketiga menerima piala, sijil penyertaan dan wang tunai berjumlah BND500.

Acara kemuncak program yang berlangsung di Aras Bawah, Pusat Membeli-belah Times Square ini

dimulakan dengan tayangan istimewa lagu tema rasmi program, 'Serlahkan Bakatmu', diikuti dengan persembahan pembukaan oleh Awang Jamary bin Dangat, seorang OKU Penglihatan dengan judul lagu 'Kampung Ayer'.

Seterusnya, pengumuman pemenang bagi kategori Permata (25 tahun ke bawah), yang juga dipelawa sekali lagi untuk membuat persembahan.

Sejurus selepas itu, acara diserikan dengan persembahan nyanyian solo daripada Awang Alimi bin Haji Awang Mahli, seorang OKU Anggota dengan lagu 'Salam Kasihku' dan seterusnya pengumuman pemenang bagi kategori 'Permata', yang turut dipelawa untuk membuat persembahan.

Acara berkenaan dimeriahkan dengan persembahan nyanyian duet daripada Awang Jamary bin Dangat dan Dayang Hasrina binti Haji Pancha, kedua-duanya OKU Penglihatan dengan lagu 'Pandang-Pandang Jeling-Jeling'.

Acara diteruskan dengan penyampaian cenderamata dan sijil penghargaan kepada para hakim, penaja dan para penyanyi undangan, dan seterusnya penyampaian hadiah kepada para peserta.

Di samping itu, acara menentangakan pameran-pameran dari Pusat Bahagia dan Ahli-ahli Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU).

Program OKU Got Talent ini telah banyak menerima pelbagai maklum balas positif daripada orang ramai dan para juri.

Para peserta sangat menonjol dengan bakat mereka yang pelbagai dan persembahan yang mengagumkan.

Sokongan padu daripada keluarga peserta turut terserlah, sekali gus menyemarakkan suasana yang penuh inspirasi sepanjang acara tersebut.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan KKBS, MKOKU, Persatuan - persatuan Bukan Kerajaan (NGO), para penaja dan rakan-rakan strategik KKBS.

BNS raikan Sambutan 50 Tahun Penubuhan



Oleh : Pg. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Sabtu, 6 Disember. - Brunei Nature Society (BNS) meraikan Sambutan 50 Tahun Penubuhannya selama dua hari bermula hari ini.

Ulang Tahun Ke-50 ini menandakan setengah abad usaha kesedaran pemuliharaan dan kajian alam semula jadi di Negara Brunei Darussalam iaitu satu pencapaian penting bagi pencinta alam sekitar.

Acara sambutan berlangsung di Alai Gayoh Nak Pulau, The Brunei Dusun Traditional House, Kampung Bukit Udal, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Terdahulu ahli-ahli persatuan dan peserta menyertai acara berjalan kaki di hutan sekitar kawasan tersebut. Acara juga diserikan dengan tarian Brunei Dusun Beats and Folks.

BNS bertujuan meningkatkan pemahaman serta penghargaan terhadap warisan alam Brunei dan hutan, hidupan liar, burung, flora dan fauna melalui program pendidikan, lawatan lapangan, pelaporan biodiversiti dan penglibatan awam.

SEKITAR Acara Sambutan 50 Tahun Penubuhan Brunei Nature Society (atas dan kiri).

Pesta Kanakan Jati ketengahkan produk makanan tempatan



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat Pesta Kanakan Jati di Kawasan Jeti Kampung Danau, Tutong.

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

TUTONG, Sabtu, 6 Disember. - Acara Pesta Kanakan Jati atau turut dikenali sebagai Pesta Makanan Kitani anjuran Majlis Perundingan Mukim Telisai serta Majlis-majlis Perundingan Kampung (MPK) di bawah Mukim Telisai, telah berlangsung dengan meriah pada malam tadi di Kawasan Jeti Kampung Danau, Tutong, sempena memeriahkan Festival Disember Brunei (BDF) 2025 yang kini berlangsung di seluruh negara.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan Perarakan Berhias serta Tanglong Berjalan Kaki pada acara tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Tetamu kehormat juga menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para peserta dan pemenang yang terlibat.

Pesta Kanakan Jati merupakan antara pengisian komuniti di peringkat mukim bagi mendukung pelaksanaan BDF 2025 dengan tujuan menyemarakkan suasana hujung tahun melalui aktiviti yang menggalakkan penyertaan masyarakat setempat.

Selain menjadi wadah memperkukuh hubungan silaturahim dan perpaduan, penganjuran ini turut mendorong penyertaan aktif penduduk kampung dalam aktiviti sosial dan keusahawanan.

Selain itu, acara ini juga menyediakan platform kepada para pengusaha dan penduduk mukim untuk mengetengahkan produk makanan tempatan, hasil kreativiti serta inisiatif keusahawanan, sekali gus menyumbang kepada usaha meningkatkan perekonomian setempat melalui pendedahan yang lebih luas kepada para pengunjung.

Penganjuran acara di bawah BDF seperti ini diharapkan dapat terus menyokong usaha pembangunan komuniti, memperkukuh jaringan kerjasama antara MPK, penduduk kampung dan agensi-agensi berkaitan, serta memberi impak positif kepada kesejahteraan masyarakat mukim secara menyeluruh.

NBD TINGKATKAN KESALINGHUBUNGAN GLOBAL, KUKUHKAN SEKTOR PENERBANGAN



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengangkutan) hadir mengetuai perbincangan mengenai pemodenan perkhidmatan udara bagi Negara Brunei Darussalam pada 27 November 2025 di London, United Kingdom.

LONDON, UNITED KINGDOM, Sabtu, 6 Disember. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) telah menandatangani Record of Discussion bersama Department for Transport of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland bersempena Perhimpunan Agung the 34th International Maritime Organization (IMO).

Mengetuai perbincangan mengenai pemodenan perkhidmatan udara bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 27 November 2025 di London ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar.

NBD dan United Kingdom menjalin hubungan jangka panjang dalam sektor penerbangan melalui Air Services Agreement (ASA) yang ditandatangani pada 23 November 2007, menggantikan ASA terdahulu yang ditandatangani

**Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

pada 23 November 1990.

ASA tersebut menyediakan rangka kerja perundangan bagi syarikat penerbangan yang dilantik oleh NBD dan United Kingdom untuk mengendalikan penerbangan komersial antarabangsa antara kedua-dua negara.

Perkembangan besar dalam penerbangan global, amalan peraturan dan piawaian antarabangsa telah menekankan keperluan bagi kedua-dua negara untuk memodenkan ASA sedia ada.

Selain menggabungkan piawaian lebih tinggi dalam sektor penerbangan, khususnya dari segi keselamatan dan sekuriti, ASA yang dimodenkan itu bertujuan untuk terus mengukuhkan kedudukan NBD sebagai destinasi dan rakan strategik, di samping

menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan kesalinghubungan antarabangsa dan pembangunan sektor penerbangan.

Hasil daripada perbincangan yang diadakan pada 27 November 2025, kedua-dua pihak bersetuju untuk berusaha ke arah memuktamadkan dan menandatangani ASA baharu pada tahun 2026.

ASA baharu itu, yang diselarasakan dengan piawaian semasa International Civil Aviation Organization (ICAO) serta rangka kerja peraturan semasa kedua-dua negara, juga akan membolehkan peruntukan hak trafik yang lebih baik antara kedua-dua negara.

Turut hadir semasa perbincangan tersebut ialah Pegawai Kanan MTIC dan Pesuruhjaya Tinggi NBD ke United Kingdom.

Kutipan derma membantu perkhidmatan pengurusan jenazah



**Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Disember. - Sebanyak BND4,649.53 berjaya dikutip melalui Projek Amal bersama Mengalinga 3.0 'Pemedulian Ummah' yang dianjurkan oleh Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan kerjasama Perusahaan Din Al-Islam.

Projek tersebut bertujuan untuk mengutip derma bagi penyediaan

set kelengkapan asas pengurusan jenazah bagi diagihkan di beberapa buah masjid terpilih di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Infak Projek Amal bersama Mengalinga 3.0 'Pemedulian Ummah' berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei (PSB), di ibu negara, di sini.

PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan Majlis Penyerahan Infak tersebut ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD.

Kemudian, majlis diteruskan dengan penyampaian derma yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada empat buah masjid terpilih yang menerima tujuh set kelengkapan asas pengurusan jenazah bagi setiap masjid.

Masjid-masjid yang terpilih ialah Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan

Tutong yang diterima oleh Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin; Masjid Kampung Pulaie, Daerah Brunei dan Muara, diterima oleh Awang Haji Muhammad Nuralif bin Haji Talib; Masjid Kampung Limau Manis, Mukim Pengkalen Batu, diterima oleh Imam Masjid Kampung Limau Manis, Awang Haji Mohammad Asdey Hazabullah bin Haji Md. Zain; dan Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas, diterima oleh Awang Adey Aiman bin Haji Muhidin.

Pengutipan derma tersebut mula dibuka pada 1 November 2025 hingga 30 November 2025. Jumlah derma yang diterima hasil kutipan berkenaan dapat menampung perbelanjaan bagi 28 set kelengkapan asas pengurusan jenazah.

Projek berbentuk bantuan atau sedekah dengan tema projek 'Bersama Mengalinga' merupakan salah satu Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PSB yang dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di negara ini.

Dalam dua tahun kebelakangan, PSB telah menjalin kerjasama

dengan Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) bagi membantu kanak-kanak yang kurang berkemampuan dengan berkonsepkan *back to school* (2024); dan juga telah bekerjasama dengan SCOT dengan mengendalikan projek yang sama (2023).

Pada tahun ini, PSB mengorak langkah dengan meluaskan lagi projek amal ini melalui pendekatan yang berlainan dengan memfokuskan kepada menyalurkan bantuan kutipan derma bertema 'Pemedulian Ummah' bagi pembelian keperluan set jenazah yang diberikan kepada beberapa masjid terpilih berdasarkan nasihat syarikat Din Al-Islam iaitu sebuah perusahaan tempatan yang menyediakan perkhidmatan keperluan pengurusan jenazah, sebagai rakan kerjasama PSB.

Majlis Penyerahan Infak Projek Amal bersama Mengalinga 3.0 'Pemedulian Ummah' dianjurkan bersempena Hari Terbuka Pusat Sejarah Brunei 2025 yang diadakan selama dua hari bermula hari ini dan Ahad, 7 Disember 2025.

Program OKU Got Talent pupuk keyakinan diri, asah kemahiran



SALAH seorang peserta pada pertandingan berkenaan.

BERAKAS, Sabtu, 6 Disember. - Program OKU Got Talent merupakan sebuah platform inklusif yang memberi ruang kepada individu OKU untuk menyerlahkan bakat dalam bidang nyanyian, tarian, muzik dan seni kreatif.

Inisiatif ini bertujuan memupuk keyakinan diri, mengasah kemahiran berkomunikasi serta



PEMANGKU Pengarah JAPEM, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu kehormat pada pertandingan tersebut.

meningkatkan keupayaan peserta untuk berinteraksi dengan masyarakat dan mencungkil bakat baharu untuk penyertaan dalam kumpulan kebudayaan (*cultural*

troupe).

Sehubungan itu, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) melalui Bahagian Orang Kelainan Upaya (BOKU),

**Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman**

dengan kerjasama rakan strategik Bahagian Kebudayaan dan Kesenian (BKK), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Radio Televisyen Brunei (RTB); dan Revolution Records pagi tadi menganjurkan Pertandingan Akhir Program 'OKU Serlahkan Bakatmu' (OKU Got Talent) 2025 sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) 2025 bertempat di Aras Bawah, Pusat Membeli-belah Times Square, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi pertandingan akhir sebelah pagi ialah Pemangku Pengarah JAPEM, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh.

Pertandingan akhir yang bermula pada pukul 10.00 pagi itu menyaksikan penyertaan seramai 11 peserta OKU dari seluruh daerah.

Para peserta dibahagikan

kepada dua kategori iaitu 'Permata' (25 tahun dan ke bawah) serta 'Mekar' (26 tahun dan ke atas).

Hakim Penilaian peserta dikendalikan oleh tiga orang juri dari Bahagian Kebudayaan dan Kesenian; Pusat Pembangunan Belia, dan Revolution Records.

Sebelum pertandingan akhir, tiga sesi uji bakat telah dijalankan pada 25 dan 27 Ogos 2025 yang lalu di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka semasa Pesta Buku Brunei, diikuti uji bakat ketiga pada 18 Oktober 2025 di Pusat Membeli-belah KB Sentral, Kuala Belait.

Uji bakat tersebut diadakan bagi mengenal pasti bakat kreatif OKU dari seluruh negara, sekali gus memastikan penyertaan berkualiti serta mewakili pelbagai latar belakang.

HULUR SUMBANGAN BANTU MANGSA KEBAKARAN



PENGHULU Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram hadir menyampaikan sumbangan berkenaan, dan turut hadir menyaksikan majlis penyerahan sumbangan itu ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Damit pada majlis yang berlangsung di perkarangan Masjid Kampung Sungai Besar.

Beliau turut melahirkan rasa bangga atas semangat *kekitaan* yang membuktikan masyarakat kampung terus teguh bersatu dan prihatin terhadap nasib penduduk yang ditimpa musibah.

Sementara itu, ketua keluarga, Dayang Norhani merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang tampil membantu serta memberikan sokongan moral, kewangan dan material.

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Sungai Besar

SUNGAI BESAR, Sabtu, 6 Disember. - Sikap prihatin dan semangat perpaduan terserlah apabila Majlis Perundingan Kampung (MPK) bersama penduduk kampung bermuafakat

menghulurkan pelbagai bentuk sumbangan bagi membantu keluarga yang terjejas dalam kejadian kebakaran rumah, baru-baru ini.

Sumbangan berkenaan telah

disampaikan oleh Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram kepada ketua keluarga, Dayang Norhani binti Ahmad, selepas kediamannya musnah dalam musibah kebakaran.

Turut hadir menyaksikan majlis penyerahan sumbangan itu ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal

Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

"Penduduk kampung sangat bersimpati atas kejadian ini dan diharap sumbangan kewangan dan keperluan asas yang dihulurkan ini akan dapat membantu meringankan beban keluarga," jelas Ketua Kampung

Cuaca diramal aktif sehingga 10 Disember 2025

Siaran Akhbar : Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Disember. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada di dalam Monsun Timur Laut, yang lazimnya akan berterusan sehingga Mac 2026.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam (BDMD) berhubung ramalan keadaan cuaca di negara ini, keadaan cuaca aktif diramalkan berlaku sehingga pagi Rabu, 10 Disember 2025.

Hujan sekali-sekala lebat dan

berpetir dijangka menjejaskan beberapa kawasan negara terutama pada waktu petang dan malam, serta berpotensi berlanjutan sehingga ke awal pagi keesokan hari.

Kelajuan angin meningkat sehingga 45 kilometer sejam semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir.

Manakala, di perairan Brunei, keadaan laut pada amnya berombak di paras sederhana, iaitu antara 1.0 dan 1.8 meter.

Orang ramai adalah

dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku.

Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang.

Keadaan laut di paras

sederhana adalah berbahaya bagi semua bot bersaiz kecil, semua aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut adalah dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh BDMD dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Pihak BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD iaitu Brunei WX.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atamelaui laman Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather) dan saluran Telegram serta Whatsapp (Brunei Weather).



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kepentingan Pendidikan Dalam Membangunkan Negara'. Tarikh Tutup : 10 Disember 2025
2. 'Ancaman Pencemaran Udara Terhadap Kesihatan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 17 Disember 2025
3. 'Memerangi Rasuah Dari Akar Umbi'. Tarikh Tutup : 24 Disember 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Bersama tingkatkan bekalan darah negara

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Disember. - Orang ramai diseru untuk menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini pada Kempen Derma Darah yang akan diadakan di beberapa lokasi.

Sehubungan dengan itu, Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan kempen derma darah di Dewan Muhibah, Jalan Landasan Lama, Berakas sempena Bazar Disember anjuran Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga pada Isnin, 8 Disember 2025, dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang; dan The Daun Restaurant, Bangunan Wisma PH Apong, Kiulap, pada Selasa, 9 Disember 2025, pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Sementara itu, pada Khamis, 11 Disember 2025, pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang, kempen derma darah akan berlangsung di Tingkat Satu, Setia Point Shopping Mall anjuran Ashley Furniture (Jackhan Sdn. Bhd.); manakala, Sabtu, 13 Disember 2025, juga pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang, kempen akan diadakan di Aras Bawah, The Mall Gadong anjuran KFC Brunei.

Orang ramai juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi kempen derma darah adalah sangat digalakkan.

سروك بروني

رشواه: قربواتن كجي دان دلارغ دالم اكلام اسلام

جماعه يغ درجتي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيكتكن كيلمانن كشدن. سسوغكوهن اورغ يغ فالينغ مليا ديسي الله ﷻ ايت ايله اورغ يغ فالينغ بر تقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷻ بر اوله كجيان دان كسلامن ددنيا دان جوك داخيرة.

الله ﷻ ﷻ برفرمان دالم سورة البقرة آية ١٦٨:

تفسيرن: واهي مانسي! ماكنله (ماكنن) درقد اف يغ ادا دبومي يغ حلال لاكي بايك دان جاجنله كامو مغيكوت جحق لگكه شيطان. سسوغكوهن شيطان ايت ايله موسوه يغ پاتا باكي كامو.

جماعه يغ درجتي الله،

اكلام اسلام مغانجوركن كيت اونتوق سنتياس برأوسها منجاري رزقي يغ حلال لاكي بايك. اوليه ايت، دالم منجاري رزقي كيت هندقله سنتياس مغيكوت لندياسن اجرن اكلام اكر رزقي يغ دفرأوليبي ايت تيدق دچري اوليه اونصور-اونصور يغ تيدق دريضاوي اوليه الله ﷻ دان فركارا-فركارا يغ مياهي اونديغ-اونديغ دان حكم شرع سقرتي منجوري، فجاه امانه، مياهلكوناكن كواس اونتوق كفتيغن فريادي دان ترماسوقله جوك رشواه.

رشواه اداله سواتو قمريان بروفا سوكون يغ ديريكن كقد سساورغ دغن سبب ترنتو باكي مبوليهكن فركارا يغ دحاجي دافت دفرأوليبي، دسلسيكن، دسكراكن دان ساومقامن. سلاين ايت، قربواتن ساله كونا كواس جوك ترسناري انتارا كسافن-كسافن رشواه دباوه آكنا فنجكهكن رشواه، قشقل ١٣١ يغ مياوا حكومن دندا تيك فولوه ريبو دولار دان فنجارا ٧ تاهون.

سسوغكوهن رشواه ايت مروفانن انتارا قربواتن يغ كجي دان دلارغ دالم اكلام كيت. فرلو داينغت، بهاوا اينديويديو يغ ميري دان منريما رشواه ايت بوكن سهاج منداقت دوسا بسر، بهكن جوك منداقت لعنت الله ﷻ. درقد عبدالله بن عمرو رَضِيَ اللهُ عَنْهُ رسول الله ﷺ برسبدا: لَعَنَ اللَّهُ الرَّايشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ.

مقصودن: لعنة الله كاتس قميري رشواه دان منريما رشواه. {حديث رواية ابن ماجه}

جماعه يغ درجتي الله،

اكلام اسلام مغرامكن رشواه كران اي مغاندوغي بايق كبوروقن، بوكن سهاج ترهادف ديري سنديري بهكن جوك كقد اورغ لايين. دانتارا كبوروقن دري قربواتن ميري دان منريما رشواه ايله:

فرتام: رشواه مغمبيل حق اورغ لايين سجارا باطل.

كلدوا: منظامي اورغ لايين.

كتيك: قربواتن رشواه مروفانن فغحيانن ترهادف امانه-امانه يغ ديريكن. الله ﷻ ﷻ مريتهكن اونتوق منويكن امانه دان جاجن مغحياننين سباكيما فرمانن دالم سورة الانفال آية ٢٧:

تفسيرن: واهي اورغ-اورغ يغ برلمان! جاجنله كامو مغحياني الله دان رسولن، دان جاجنله كامو مغحياني امانه-امانه (يغ دامانهكن كقد) كامو سداغ كامو مغتهوي.

كامقت: قربواتن رشواه مروفانن قربواتن يغ بوكن سهاج مومضرتكن ديري سنديري بهكن اورغ لايين. اكلام كيت ملارغ اومتن منداقتن مضرت كقد اورغ لايين. درقد ابو موسى الأشعري رَضِيَ اللهُ عَنْهُ دي بركات، واهي رسول الله، اورغ اسلام يغ باكيماكه يغ فالينغ اوتام؟ بكيندا منجواب: مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَبَيْدِهِ.

مقصودن: سيف فون دري قوم مسلمين يغ سلامت دري بهيا ليسان دان تاغنن. {حديث رواية امام بخاري}

كليم: قربواتن منريما رشواه اونتوق منولوغ مباطلكن سسواتو حق اتاو ممبركن يغ باطل اداله بنتوق تولوغ-منولوغ دالم فركارا دوسا. الله ﷻ ﷻ ملارغ اومت اسلام تولوغ-منولوغ دالم فركارا سديميكن سباكيما فرمانن دالم سورة المائدة آية ٢:

تفسيرن: دان تولوغ-منولوغله كامو دالم كياجقن دان كفقوان دان جاجنله تولوغ-منولوغ دالم دوسا دان فرموسوهن (ملفكر حكم-حكم الله). دان بر تقوى له كقد الله. سسوغكوهن الله ساغت برت سيكسان.

جماعه يغ درجتي الله،

يسو رشواه بوكنله يسو يغ بارو موغول دايرا مودين اين. رشواه ميمغ قرنه برلاكو سحج دري دهولو لاكي. رسول الله ﷺ سنديري قرنه درشواه. كتيك بكيندا مولا داوتوس منجادي رسول، بكيندا تله منداقت تنغن درقد قوم بكيندا سنديري ياييت قوم قريش. مريك برتيدق برباكاي جارا اونتوق مغلانغ ميسي دعوة رسول الله ﷺ ترماسوق دغن رشواه.

ابن كثير منجريتاك دن دالم كتاب البدايَة وَالنِّهَايَة سبواه روايه درقد ابن اسحاق، قيصة فناوران عُنِيَه سباكي واكيل اورغ-اورغ كافر قريش ترهادف رسول الله ﷺ اكر بكيندا مغهتيكن ميسي دعوة بكيندا. دانتارا تاورن ترسبوت ايله هرتا دان جاونن. بكيندا منلق تاورن ترسبوت. بكيتوله سيكف قميمشين كيت يغ اكوغ، بكيندا بوكنله ساورغ يغ بوله دتاور-تاور

دالم مفرجواغن ميسي دعوة بكيندا. بكيندا تيدق ماكن سوكون دمي فرجواغن بكيندا منكفكن كلمه توحيد دموك بومي اين.

سسوغكوهن رشواه اداله قربواتن يغ فرلو دجكه دفريكت اول لاكي. اين كران افيل اي منولر، مك اي اكن سوكر اونتوق ديندوغ. سوده سنتتون تيدق ادا دانتارا كيت يغ ايغن مليهت دان مبياركن رشواه اين ميساراكين كيهدفن كيت، مشاركت دان جوك نكارا. اوليه ايت، اونتوق منجكهكن، كيت فرلو تاهو فونجان ترلبيه دهولو. اداقون فونجا-فونجا يغ مبيكن رشواه ايت برلاكو اداله:

فرتام: ايمان يغ له.

كلدوا: هاتي دقنوه دغن صفة طمع.

كتيك: سوسيو ايكونومي يغ تيدق ستايل.

كامقت: كلمهن كقيمقين، فقوروسن دان فنتديرن. اين كران افيل كقيمقين، فقوروسن دان فنتديرن له دالم سسواتو اوركانيساسي، مك اكن تربوكاله رواغ-رواغ يغ مبيكن برلاكو فليويغن خصوصن رشواه.

جماعه يغ درجتي الله،

رشواه ايت امت بسر بهيان سهيغك مليتكن بغسا دان جوك نكارا. اوليه ايت، هيندركنله ديري، بغسا دان جوك نكارا كيت دري كجلا رشواه. سباكي اومت اسلام، كيت هندقله منجواهي دان مغهيندركن ديري درقد قربواتن رشواه يغ دتكه دان دلارغ اوليه الله ﷻ.

اخيرن، ماريله كيت بردهاء اكر كيت دجاوهكن درقد ملاكوكن قربواتن كجي سقرتي رشواه دغن سنتياس منافكن سيكف امانه، جوجور دان اخلاص دالم ستياف توكس دان فركجان سرت سنتياس تولوغ-منولوغ دالم فركارا كيايكن دان منجكه دري بريوات كجاهتن. موده-مودهن دغن دميكن كيت اكن منداقت كريضان، كبركن دان رحمة يغ برفنجغن درقد الله ﷻ. آمين يا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

تفسيرن: دان جاجنله كامو ماكن هرتا (اورغ لايين) انتارا كامو دغن جالن يغ باطل دان جاجنله كامو مغهولوركن هرتا كامو (ميري رشواه) كقد حاكم-حاكم سوفاي كامو دافت مغاميل سباكيان درقد هرتا اورغ دغن جارا بريوات دوسا قد حال كامو مغتهوي ساهن. {سورة البقرة آية ١٨٨}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا يَا لَوْتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ أَلْبَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِي الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَئُوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَأْتُوْدُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجُ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقْضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَتُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsiannya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اُبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاُتُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قشعملش (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَاُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU /
GSU / TA / 8004
Purchase Of Uniform And
Accessories For Gurkha Security
Unit

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
**Isnin,
5 Januari 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / NAU /
IL / TA / 1001
Pembelian Plastic Target Figure
11/59 & 12/59, Paper Target 4FT
12/59 (Single, Double & Triple)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
**Selasa,
23 Disember 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / FY2025 / GCAU / GSU /
TA / 8006
Supply Of Dog Foods For Gurkha
Security Unit (GSU) - One
(1) Year Contract

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalahsebelum
tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin,
22 Disember 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 Disember 2025
2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU /
MAB / TA / 01
Pembelian Bagi Perisian EDR
(Endpoint Detection And Response)

Yuran Tawaran:
BND 50.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 16 Disember 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 23 Disember 2025
2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
III atau IV

Kategori:
M01

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 Disember 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 37 /
2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi
Dan Kerja-Kerja Pemeliharaan
Sistem Hawa Dingin Bagi
'Group Location 7' Untuk Tempoh
Dua (2) Tahun (2026)

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

JABATAN DAERAH
TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

**Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri**

Jawatan Kosong Sebagai

**Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)**

atau

**Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)**

atau

**Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)**

bagi

Daerah Temburong

**Kampung Belingos, Mukim
Bangar
Kampung Selangan, Parit dan
Biang Menengah, Mukim Amo**

Tarikh Tutup:
Sabtu,
31 Januari 2026
Jam 4.00 Petang

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti



berikut:-

**Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim dan
Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
Sabtu, 12 Sya'aban 1447
bersamaan 31 Januari 2026, jam
4.00 Petang. Sebarang
pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian +673
5221110.

**Kampung-Kampung Tadahan
Jawatan Kosong Ketua-Ketua
Kampung, Daerah Temburong**

**Ketua Kampung Belingos,
Mukim Bangar**
a) Kampung Belingos
b) Pekan Bangar
c) Kampung Bang Bulan
d) Kampung Lagau
e) Kampung Piungan

**Ketua Kampung Selangan, Parit
Dan Biang Menengah, Mukim
Amo**

a) Kampung Selangan
b) Kampung Parit
c) Kampung Sibulu
d) Kampung Biang Menengah
e) Kampung Belaban

JABATAN
MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan:
JMM / JKSH / Q&T / 2025 /
22

Sebut harga Untuk:
To Provide Services For
Integration, Configuration And
Operation Of AudioVisual And
Conference System For The First
And Second Meeting Of Majlis
Mesyuarat Negara (MMN) 2026 At
Bangunan Dewan Majlis,
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan:
JMM / JKSH / Q&T / 2025 /
23

Sebut harga Untuk:
Supply, Installation, Testing &
Commissioning Of Audio
Conference Systems For Dewan
Persidangan Majlis Mesyuarat
Negara And Bilik Rehat Ahli-Ahli
Majlis Mesyuarat,
Bangunan Dewan Majlis,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
16 Disember 2025
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
09 / 2025

Tawaran Tapak Bagi Menjalankan
Perusahaan Tanaman Buah-Buahan,
Seluas 2 Hektar Di Kawasan
Kemajuan Pertanian, Daerah Belait

Lokasi:
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP)
Lilas Daerah Belait

Keterangan Tapak:
Lot 10

Keluasan:
2 hektar

Syarat:
Buah-buahan tidak bermusim
Bagi pengeluaran buah seko
menggunakan teknologi tinggi /
moden (greenhouse, fertigasi,
pengairan titis dan lain-lain)

Tempoh Iklan:
2 minggu

Tarikh Mula Iklan:
Isnin, 8 Disember 2025

Tarikh Berakhir Iklan:
Khamis, 18 Disember 2025

Tarikh Akhir Menghantar:
Khamis, 15 Januari 2026
sebelum jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang:
BND1.00 / borang

JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPH / 2105 / TAW / 402(R) /
2025-2026

Membekal Dua (2) Unit Kereta
Pacuan Empat Roda (4WD)
Double Cab Vehicle
Dan Satu (1) Unit Kereta Pacuan
Empat Roda (4WD) Jenis SUV Bagi
Kegunaan Jabatan Perhutanan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 23 Disember 2025
Jam 2.00 Petang

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**
BND 10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:
BND 30.00

-Tidak Dikembalikan-





KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Bilangan Sebut Harga:
19 / MFA-ICC-Q / 2025-26

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Fabricate And Install New Heavy-Duty Vertical Rack Storage At International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs.

Bilangan Sebut Harga:
21 / MFA-ICC-Q / 2025-26

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery Fitted Table Cloth For Round Table And Rectangle Table At International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs.

Bilangan Sebut Harga:
22 / MFA-ICC-Q / 2025-26

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery New Stackable Chair Trolley At The International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs.

Bilangan Sebut Harga:
23 / MFA-ICC-Q / 2025-26

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery Round Table Trolley With Ramp At The International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs.

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00 setiap dokumen (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 10 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
09 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Inspection, Reprogramming, And Supply Of Telephone Sets For Toshiba CIX670 System At The Ministry Of Foreign Affairs, Jalan Subok

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 17 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran dan Keterangan Projek:
16 / BBS / SDLJBKBS / 2025-2026
Supply And Delivery Solar Light For Jabatan Bandaran Kuala Belait And Setia

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
23 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Makluman Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
MFA / ICC / 03 / 2025-26

Tajuk Tawaran:
Landscape Maintenance Services For International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs For A Period Of Three (3) Years, Brunei Darussalam

Bayaran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 8.2025
Renewal of OGPC 3 Maintenance and Support, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi (MTIC)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 20 Januari 2026



PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Notis Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
7 / NOVEMBER / 2025 / PSB / PD.575

Membekal, Menghantar Dan Memasang Skrin Paparan LED Digital Di Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
8 / NOVEMBER / 2025 / PSB / PD.575

Mencetak, Membekal Dan Menghantar Cenderamata Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 11 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Notis Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
9 / DISEMBER / 2025 / PSB / PD.575

Membekal Dan Memasang Pelekat Cermin Gelap 'Tinted Film' Bangunan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
10 / DISEMBER / 2025 / PSB / PD.575

Membuat, Membekal, Menghantar Dan Memasang Kaunter Atendan Pameran Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,
27 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



PERATURAN
PENGIKLAMAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



MAKLUMAN
TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.

Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



Bilangan Sebut Harga:
32 / NOV / 2025 / KKBS / PJK / 16.14 (2)

Tajuk Sebut Harga:
Air-Conditioning And Ventilation Works To Existing Air Distribution System At Setiausaha Sulit (Kemasyarakatan) Office, Level 7, Ministry Of Culture, Youth And Sports, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Khamis, 18 Disember 2025





**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
I Atau II

Kategori:
-

Tarikh Buka Tawaran pada:
1 Disember 2025
(Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
22 Disember 2025
(Isnin)

Tarikh Tutup Pada:
29 Disember 2025
(Isnin)
Sebelum jam 9.00 pagi
(Di Tutup di Tingkat 1,

Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar,
Taman Dan Rekreasi,
Bangunan Tumasek Plaza,
Jalan Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha,
Bandar Seri Begawan BA1910,
Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / QTN113 /
2025**

Penyediaan Perkhidmatan
Pajakan Untuk Penghadang
Sisa Makanan Di Jabatan Alam
Sekitar, Taman dan Rekreasi
Bagi Tempoh Selama
Tiga (03) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / QTN113 /
2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND9.00
(Tidak di Kembalikan)



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 132 / 25 – 26
Perkhidmatan Penggambaran Dan
Pos Produksi (Penyuntingan)
Rancangan Dakwah,
Bahagian Rancangan TV

Bayaran Yuran:
BND5.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (jika perlu dan
tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / MMD / 095 / 2025

Tajuk Tawaran:
Provision Of Vibration Analysis
Services For A Period Of Twelve
(12) Months At DES Power Stations

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025, Selasa
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Jabatan Hal Ehwal Syari'ah
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**

26 / JS / A / 6 / 2004 PT.7
Tawaran Sebut Harga Pembelian
Breathalyzer, Bagi Jabatan Hal
Ehwal Syari'ah, Kementerian Hal
Ehwal Ugama

Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
3 Rejab 1447H / 24 Disember
2025M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI **WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

PERINGATAN PENTING

1 **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2 Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan ditolak.


1 **Lengkapkan Profil PSCR 2.0**
(WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2 **Lengkapkan Kelulusan**
(keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)

3 **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**
*Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan

4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"


5 **Lengkapkan Maklumat**
(kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)



Talian Whatsapp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



PSC.BN



IMBASAN MINGGUAN



RASA terharu dan gembira dapat bersama keluarga setelah selesai melaksanakan misi pengaman selama 12 bulan dengan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) bersama Malaysian Battalion (MALBATT) 850-12. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



ANTARA yang menyertai Perlawanan Dart Beregu Lelaki Terbuka dan Perseorangan Wanita anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rancangan Negara (RPN) Tanah Jambu, Mukim Mentiri dengan kerjasama Kelab Santai Mix Darters bertempat di Dewan Kemasyarakatan Perpindahan Kampung Mentiri. - Foto : Aimi Sani.



DEMONSTRASI 'Cerminkan Air : Pameran Seni EBRU' yang berlangsung di Ruang Legar Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.



SALAH satu aktiviti yang diadakan semasa Mini Karnival Keluarga Kampung Bunut Perpindahan 2025 anjuran Majlis Perundingan Kampung Bunut Perpindahan dengan Kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bunut dan Ikatan Persatuan Belia Bunut (IKERAB). - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SEBAHAGIAN peserta yang turut serta dalam The Brunei Half Marathon 2025 yang mendapat sambutan hangat ribuan peserta tempatan dan antarabangsa yang berlangsung di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



PARA peserta Kem Belia Remaja 2025 memperlihatkan sijil penyertaan mereka yang mana kem belia adalah khusus bagi belia-belia dalam melatih dan menanam sifat kepimpinan mereka serta mewujudkan hubungan kerjasama secara berkumpulan. - Foto : Azmah Haji Ahad.

KOMITED MEMAJUKAN EKONOMI, KEWANGAN ISLAM



■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

REPUBLIK INDONESIA, Sabtu, 6 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) sekali lagi menyertai Persidangan Antarabangsa Universiti-universiti ASEAN mengenai Kewangan Islam (AICIF) kali ke-13 sebagai rakan penganjur, meneruskan komitmen universiti

berkenaan dalam memperkukuh jaringan akademik dan penyelidikan serantau dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam.

Pada tahun ini, persidangan itu dianjurkan oleh Universitas Darussalam (UNIDA) Gontor, Republik Indonesia, sebagai penganjur utama, selama tiga hari,

bermula 3 hingga 5 Disember 2025.

UNISSA telah menghantar delegasi yang diketuai oleh Dekan FEKIm, Dr. Muhd. Zaki bin Haji Zaini, yang turut menjadi pembentang dalam sesi plenari melalui kertas kerja bertajuk 'Navigating Global Uncertainties'.

Selain itu, beberapa ahli tenaga akademik UNISSA juga mengambil bahagian dalam

DELEGASI Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diketuai oleh Dekan FEKIm, Dr. Muhd. Zaki bin Haji Zaini sekali lagi menyertai Persidangan Antarabangsa Universiti-universiti ASEAN mengenai Kewangan Islam (AICIF) kali ke-13 anjuran Universitas Darussalam (UNIDA) Gontor, Republik Indonesia.

tahunan yang menghimpunkan sarjana, pengamal industri, dan pembuat dasar dari seluruh rantau ASEAN bagi membincangkan isu-isu kontemporari dalam ekonomi dan kewangan Islam.

Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah AICIF pada tahun 2023.

AICIF bukan sahaja menjadi platform penting untuk perkongsian ilmu dan penyelidikan, malah berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan universiti-universiti ASEAN dalam usaha membangunkan industri kewangan Islam di peringkat serantau dan global.

Pada masa yang sama, acara ini turut menyediakan ruang kepada belia-belia ASEAN untuk memperkukuh jaringan profesional dan kerjasama akademik sejajar dengan aspirasi pembangunan serantau ASEAN.

UNISSA komited untuk terus menyokong inisiatif seperti AICIF dalam memajukan ekonomi dan kewangan Islam melalui sinergi ilmu, penyelidikan dan kolaborasi antarabangsa.

sesi pembentangan kajian masing-masing, sekali gus memperkukuh kehadiran akademik UNISSA di persidangan berprestij ini.

Bagi tahun ini, AICIF turut menampilkan program sampingan iaitu Students Mobility Programme, di mana dua orang pelajar dari FEKIm UNISSA telah terpilih untuk menyertai program tersebut.

Penglibatan ini memberikan peluang kepada pelajar untuk menimba pengalaman antarabangsa serta memperluas perspektif dalam bidang kewangan Islam.

AICIF merupakan persidangan

Meningkatkan kesedaran dalam mempraktikkan amalan kitar semula



SALAH satu usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan penyertaan orang ramai dalam mempraktikkan amalan kitar semula, di samping memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan kitar semula yang terdapat di negara ini.

■ Berita dan Foto: Aimi Sani

ANGGEREK DESA, Ahad, 7 Disember. - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan mengadakan Hari Kitar Semula Senegara serentak di keempat-empat daerah, iaitu di Cawangan Pejabat JASTRe, Anggerik Desa dan Taman Rekreasi Mini Perayaan Kampung Parit di Daerah Brunei dan Muara; Pejabat JASTRe Cawangan Tutong; Pejabat JASTRe Cawangan Belait dan kawasan letak kereta Taman Rekreasi Muhibbah, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Inisiatif berkenaan dikendalikan dengan kerjasama dan sokongan daripada syarikat-syarikat kitar semula tempatan, iaitu Kawan Bumi Sendirian Berhad dan Shaliz Waste Recycling Sendirian Berhad.

Sebanyak 4,575.6 kilogram (kg) sisa kertas, 460.9kg kadbod, 444.1kg botol plastik, 331.3 liter minyak masak terpakai, 63 bateri lithium, 619 unit sisa elektronik dan 2,074 barang terpakai telah berjaya dikumpulkan untuk dikitar semula.

Inisiatif berkenaan adalah salah satu usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan penyertaan orang ramai untuk mempraktikkan amalan kitar semula, di samping memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan kitar semula yang terdapat di negara ini.

Orang ramai bolehlah menghubungi JASTRe untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kitar semula di talian +673 2241262, atau melayari laman sesawang, www.env.gov.bn dan ikuti Instagram rasmi @jastre.bn.

Hari terbuka dukung fungsi, peranan PSB



SESI bergambar ramai bersama Pemangku Timbalan Pengetua PSB pada Hari Terbuka PSB 2025.

■ Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Disember. - Dengan matlamat murni bagi mengukuhkan lagi hubungan silaturahmi antara warga Pusat Sejarah Brunei (PSB), agensi sejarah kerajaan serta masyarakat umum, PSB menganjurkan Hari Terbuka PSB 2025 yang diadakan selama dua hari iaitu pada Sabtu, 6 Disember 2025 dan Ahad, 7 Disember 2025.

Hari Terbuka PSB yang berlangsung di dalam bangunan dan juga kawasan lapang PSB, di ibu negara, itu merupakan program tahunan yang diadakan pada setiap bulan Disember sebagai salah satu usaha untuk mendekatkan masyarakat dari pelbagai peringkat umur terutama para belia dan generasi muda untuk bersama-sama memainkan peranan dalam mendukung aspirasi, fungsi dan peranan PSB.

Dalam tinjauan Pelita Brunei

pada hari kedua program ini berlangsung pagi tadi, pelbagai aktiviti menarik telah mewarnai suasana kemeriahan program berkenaan antaranya Pertandingan Pakaian Retro dan Warisan Brunei, Peraduan Mari Mewarna Sejarah, Peraduan Menulis Jawi, Kahoot Sejarah, Kuiz Kenali Sejarah Kitani, Sayangi Rekod Kitani dan Pertandingan Dart.

Seramai 52 peserta telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Pakaian Retro dan Warisan Brunei, manakala 70 peserta pula terlibat dalam Peraduan Mari Mewarna Sejarah. Sementara, 10 peserta mengikuti Peraduan Menulis Jawi.

Selain itu, seramai 360 peserta dari 180 pasukan telah menyahut cabaran Pertandingan Dart.

Sesi penyampaian hadiah bagi Pertandingan Pakaian Retro dan

Warisan Brunei disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh.

Para peserta dan pengunjung yang hadir begitu teruja dan memberi sokongan padu dengan menyertai pelbagai aktiviti sepanjang program berlangsung, selain berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik.

Kemeriahan program ini turut menyaksikan penglibatan lebih 20 pengusaha makanan dan minuman tempatan.

PSB berharap agar program tersebut secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada orang awam untuk melihat sendiri peranan, fungsi dan perkhidmatan yang terdapat di PSB.

Para pengunjung juga mengambil kesempatan meninjau dan berkunjung ke galeri-galeri pameran PSB, di samping mengetahui beberapa perkhidmatan yang tersedia.

SYARIKAT DIKENAKAN KOMPAUN BUANG SAMPAH MERATA

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Sabtu, 6 Disember. - Hasil daripada pemeriksaan dan rondaan Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan kompaun terhadap

sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, (Penggagal 30). Syarikat tersebut ialah Ahila



Contractor beralamat No. 1015 Kampung Sinaut, Tutong dan didenda sebanyak BND2,000 di bawah Bab 12(1)(a).

Sehubungan itu, orang ramai dan masyarakat umum disarankan memberikan kerjasama dan seharusnya peka mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, (Penggagal 30).

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000.

Manakala bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan



JABATAN Daerah Tutong telah mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat di Kampung Sinaut, Tutong kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, (Penggagal 30).

pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan

juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.

Operasi Tinjauan PPDB berjaya merampas barang tegahan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



TEMBURONG, Sabtu, 6 Disember. - Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah melaksanakan satu Operasi Tinjauan di kawasan Bangar, Daerah Temburong, baru-baru ini.

Dalam operasi tersebut, pihak polis telah mengesan sebuah kenderaan dalam keadaan mencurigakan di kawasan berhampiran simpang Tanjung Bungar.

Hasil pemeriksaan lanjut mendapati kenderaan tersebut membawa barang tegahan iaitu lapan paket rokok.

Dua suspek, seorang lelaki dan seorang wanita warganegara tempatan, telah ditahan kerana disyaki memiliki barang tegahan serta merentas sempadan melalui laluan sungai tanpa sebarang dokumen yang sah.

Kesemua barang tegahan telah



dirampas dan kedua-dua suspek dibawa ke Balai Polis Bangar untuk siasatan lanjut.

Pihak penguatkuasa daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, serta Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, turut dimaklumkan bagi tindakan susulan.

PPDB akan terus proaktif dan komited dalam memastikan keselamatan masyarakat serta

membanteras sebarang bentuk kegiatan jenayah dan aktiviti menyalahi undang-undang.

DUA warganegara tempatan telah ditahan kerana disyaki memiliki barang tegahan iaitu lapan paket rokok, hasil Operasi Tinjauan oleh Balai Polis Bangar, PPDB di kawasan Bangar, Daerah Temburong, baru-baru ini.

Operasi ini mencerminkan ketegasan dan kesiapsiagaan PPDB dalam memantau serta menangani kegiatan penyeludupan.

Orang ramai turut dinasihatkan agar tidak terlibat dalam sebarang kegiatan jenayah serta segera melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan kepada pihak berkuasa.

Kerjasama awda amat penting dalam mengekalkan keselamatan dan keharmonian bersama.

Dihukum penjara atas kesalahan imigresen

Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Disember. - Dua individu telah dijatuhkan hukuman penjara dalam sesi pendakwaan yang dijalankan bagi beberapa kesalahan berkaitan imigresen.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) hari ini, seorang wanita penduduk tetap Negara Brunei Darussalam, Nurul Jannah binti Abdullah Argente @ Memenia Embile Argente, dijatuhi hukuman penjara bagi empat

kesalahan yang membawa kepada jumlah keseluruhan pemenjaraan selama lima tahun berkuatkuasa mulai 10 Julai 2025.

Kesalahan pertama beliau iaitu di bawah Bab 12(1)(A), Akta Passport, Penggal 146 kerana memiliki pasport atau dokumen perjalanan orang lain tanpa kebenaran yang sah.

Kesalahan kedua iaitu di bawah Bab 473(b), Penggal 22, Kanun Hukuman Jenayah kerana memiliki 8 buah Cop Imigresen yang dipalsukan.


Manakala, kesalahan ketiga dan keempat adalah di bawah Bab 466 (c), Penggal 22, Kanun Hukuman Jenayah iaitu bersubahat.

Sementara itu, Mohammad Aman Ullah, seorang lelaki, warganegara Bangladesh berumur 43 tahun telah pun mengaku bersalah bagi kesalahan bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah pas imigresennya mansuh.

Beliau dijatuhkan hukuman penjara selama enam bulan dan tiga kali sebatan berkuatkuasa bermula dari defenden ditahan iaitu pada 24 November 2025.



Oleh : Busyra Haji Abdul Hafeiz
dan Irsalina Nazihah Talip, dengan
kerjasama Meja Rencana,
Seksyen Kandungan Khas,
Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan
dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji
Hassanal Bolkiah



Dauniorisiti-اونيورسيتي قد زمانن. كتاب
تبل اين ديهانگين كقد ٥ بهاكين دان تله
دترجمهكن كدالم بهاس لاتين دان عبراني
دنافولي قد تاهون ١٤٩٢م، سرتا دجيتق
دالم بهاس عرب دروم قد ١٥٩٣م دان مصر
قد ١٨٧٧م. سهيفك كيني، نسخه اصل
كتاب اين دسيمفن دشن باءيق
دفرقوستاكاهن برمنغهفام، ايشكلند.

كتاب الشفاء اداله كاريا ترفنتيغ ابن
سينا دالم بيدغ فلسفة. كتاب اين مغاندوغي
امشت بهاكين اوتام ياءيت لوكيك،
ماتمايتك، فيزيك دان ميتافيزيك.
ملالوئي كتاب اين، ابن سينا مندافت
قشيعترافن يغ تيغكي ددنيا تيمور دان بارت.
الشفاء جوك داغكف سباكاي
اينسيكلوفيديا بسر مغانئي علمو قشاهوان
يوناني اسلام قد ابد ك-١١. سام شرتي
القانون في الطب، كتاب اين توروت
دسيمفن دفرقوستاكاهن برمنغهفام،
ايشكلند.

كتاب الاشارات والتنبهات اياله
كاريا تراخير يغ دتوليس اوليه ابن سينا.
كتاب اين مغاندوغي قشاهوان فيميكيرن
مندالم، رهسيا برهرك يغ سوكر دجومقائي
دالم بوكو لافين، سرتا قشجلسن تنغ
لوكيك، كبيجقسنانان دان قشاهمان
روحاني. كتاب اين تله دجيتق دليدن قد
تاهون ١٨٩٢م.

ابن سينا اداله علمون اسلام يغ
تركئل دالم فراوبتن دان فلسفة. بلياو
مقحاصيلكن كاريا قشنتيغ يغ منجادي
روجوعن اوتام سلاما برباد-ابد. سومبشن
مبنتو مبنتوق علمو قشاهوان مودن دان
ممبري اينشيفرسي كقد بايق كينراسي.
معلومات ريغكس مغانئي ابن سينا بوليه
دليهت دبلاي خزانه اسلام سلطان حاج
حسن البلقية خصوصن دكالي ٥، كالي
واريشن علمو.



ابن سينا: توكوه اولوغ فلسفة دان فراوبتن اسلام

لوكيك (منطق) سرتا اجرن أراسطو. ابن
سينا جوك ممقلاجري علمو فراوبتن درقد
أبو منصور القمري، قشوليس كتاب الحياة
والموت دان أبو سهل عيسى بن يحيى
الجراني، قشوليس اينسيكلوفيديا فراوبتن.
قد اوسيا ١٦ تاهون، ابن سينا قرنه
مراوات قشورا نوح بن منصور الساماني
سهيفك سمبوه. كجايان اين مبواتكن
بلياو دبري قشهركان دان كبنرن اونتوق
مهاسوقي قشوقستاكاهن السامانية يغ
مبمشن ريوان بوكو. دفرقوستاكاهن ايت،
ابن سينا بايق مباح كران ساغت جينتاكن
علمو، سهيفك بلياو مقواسائي همشير
سموا علمو يغ اد قد زمانن. قد اوسيا ٢٢
تاهون، ابن سينا سوده منجادي دوكتور
تركئل. قد ماس ايت، شمس الدولة
البويهية، قشواسا همدان دان كرمانشاه،
ملنتيق بلياو سباكاي قشوران منتري.

ابن سينا منوليس بايق كاريا علميه
دالم قشاهوان بيدغ. درقد كيرا ٤٥٠ بواه
بوكو يغ دحاصيلكن، ٤٠ اداله دالم بيدغ
فراوبتن دان ٢٤٠ دالم بيدغ فلسفة. كاريا
بلياو يغ قشايغ تركئل اياله القانون في
الطب، ياءيت سبواه اينسيكلوفيديا
فراوبتن يغ منجادي روجوعن اوتام

أفشنة يغ تزلتق برهمشيرن بخاري، دولايه
قرسيا (كيني أوزبكستان). ابن سينا
منيغكل دنيا قد تاهون ٤٢٨هـ / ١٠٣٧م
دهمدان، قرسي (سكارش إيران) قد اوسيا
٥٨ تاهون عاقبة قشاكيت اوسوس بسر. باف
بلياو براصل دري بلخ مانكالا ايون قشولا
براصل دري سبواه كامقوغ برهمشيرن
بخاري.

ابن سينا مندافت قشديدين يغ لبه
باءيق سلقس كلواركن برفينده كبخاري،
ايبو كوتا كراجان سامانية. باقان تله
منداشكن قشورو القشوان دان سسترا عرب
اونتوق مقاجر انق-انقش. قد اوسيا قشولوه
تاهون، ابن سينا سوده ممقلاجري بايق
علمو اكاهن اسلام دان مقشاهل القشوان. بلياو
جوك مولا مقشل فلسفة كران سريغ مندغر
قشديبن انتارا باقان دشن قشيكوت
إسماعيلية دري مصر.

ابن سينا بلاجر دشن إسماعيل
الزاهد، سآورغ صوفي دان علماء مذهب
حنفي تركئل دبخاري. بلياو داجر علمو قشة
دان كحاكيمن سهيفك ماهير دالم اوروسن
حكوم. سلقس مندالمي علمو اكاهن، سآورغ
اهلي فلسفة برنام أبو عبدالله الناطلي داتغ
كبخاري دان مقاجر ابن سينا تنغ علمو

ابن سينا يغ دكنل سباكاي الشيخ الرئيس
(مهاقورو قشام) اناو Avicenne ددنيا بارت
اداله سآورغ فيلسوف، علمون دان دوكتور
ترنام. بلياو جوك مروفاكن سآورغ قشوليس
يغ ساغت قشودوكتيف دشن سبهاكين بسر
كاريا بركيسر تنغ فلسفة دان فراوبتن.
ابن سينا قشاجات سباكاي فيميكير اسلام يغ
قشايغ مشهور سماس ايرا كجايان اسلام.

سلاين تركئل دشن كلرن 'باف'
فراوبتن مودن، بلياو جوك دكنلي سباكاي
'قشورا قشلسوف'، أمير الأطباء (قشيمقين
قشورا دوكتور) دان المعلم الثالث (قشورو
كتيك) سلقس فيلسوف يوناني، أراسطو
سباكاي قشورو قشام دان الفاربي سباكاي
قشورو كدوا دالم علمو فلسفة. سومبشن ابن
سينا ساغت بسر دالم مقمبشكن علمو
فراوبتن دان فلسفة يغ تروس منجادي
روجوعن اوتام دتيمور دان بارت سهيفك
كيني. بلياو داغكف سباكاي توكوه يغ
مقشابوئشكن علمو اكاهن دان علمو دنيا دشن
قشمرلغ، مينيغكلكن واريشن اينتليكتوال يغ
قشنتيغ دالم سجاره تمدون مائيسي.

نام قشوه بلياو اياله أبو علي الحسين
بن عبدالله بن سينا. بلياو دلاهركن قد
تاهون ٣٧٠هـ / ٩٨٠م دسبواه ديسا برنام



Setiap sumbangan sukarelawan amat bermakna

HARI Sukarelawan Antarabangsa yang disambut pada 5 Disember setiap tahun menjadi platform bagi negara-negara seluruh dunia untuk menghargai sumbangan para sukarelawan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial. Sambutan ini bukan sahaja menjadi wadah pengiktirafan terhadap dedikasi dan pengorbanan mereka, bahkan berfungsi sebagai platform global untuk memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan masyarakat pelbagai peringkat.

Sukarelawan merupakan tulang belakang kepada pelbagai program kemasyarakatan, kebajikan dan pembangunan sosial. Mereka terdiri daripada individu pelbagai latar belakang yang rela menyumbangkan masa, tenaga dan kemahiran tanpa mengharapkan ganjaran. Walaupun kerja kesukarelawanan sering dianggap sebagai peranan sampingan, hakikatnya ia memberikan impak yang besar kepada kesejahteraan masyarakat, proses pembangunan negara dan pembentukan nilai murni dalam diri seseorang. Dalam era moden yang mencabar ini, peranan sukarelawan semakin penting kerana banyak organisasi bergantung pada sokongan mereka dalam menjalankan program dan membantu golongan memerlukan.

Sejarah

Hari Sukarelawan Antarabangsa diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1985 dengan tujuan mengiktiraf peranan individu dan organisasi yang aktif melaksanakan kerja-kerja kesukarelawan. PBB melihat usaha ini sebagai komponen penting dalam mencapai pembangunan sosial dan ekonomi di peringkat global. Setiap tahun, tema tertentu diperkenalkan bagi menegenahkan isu-isu semasa serta

mencetuskan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penyertaan aktif dalam kerja-kerja kebajikan.

Tema

Bagi tahun 2025, PBB menetapkan tema 'Setiap Sumbangan Adalah Bermakna' (Every Contribution Matters). Tema ini merupakan pengiktirafan global bahawa setiap tindakan kesukarelawanan, walau sekecil mana pun, adalah penting dalam mengukuhkan komuniti dan mendorong perubahan yang bermakna.

Tema tahun ini juga membawa makna yang lebih signifikan kerana ia menandakan pelancaran Tahun Sukarelawan Antarabangsa untuk Pembangunan Mampan 2026 atau International Volunteer Year (IVY) 2026, yang bermula secara rasmi pada 5 Disember 2025.

IVY 2026 : Memperkasa semangat sukarelawan untuk pembangunan mampan

Dalam perutusan sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2025, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad menjelaskan bahawa IVY 2026 telah diisytiharkan oleh Perhimpunan Agung PBB melalui Resolusi 78/127. Tema yang diketengahkan ialah 'Tahun Sukarelawan Antarabangsa untuk Pembangunan Mampan' (International Year of Volunteers for Sustainable Development).

Yang Berhormat turut menekankan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) amat kaya dengan warisan budaya dan nilai-nilai murni yang menjadi asas semangat kesukarelawan, antaranya konsep bermucang-mucang. Tradisi yang telah lama sebatu dalam masyarakat sebagai amalan bekerjasama dan bergotong-royong. Konsep

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

ini merupakan manifestasi sebenar semangat kesukarelawanan yang berperanan penting dalam memupuk perpaduan, persefahaman, dan semangat kekitaan, selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

"Dalam konteks IVY 2026, kita menyedari bahawa kesukarelawanan memegang kepentingan budaya dan sosial yang mendalam. Konsep bermucang-mucang adalah contoh terbaik di mana tradisi gotong-royong menjadi teras nilai dan solidariti, sekali gus mengesahkan bahawa semua bentuk kesukarelawanan penting, sama ada formal atau informal, tempatan atau silang sempadan. Budaya luhur ini wajar terus disemai agar kekal menjadi asas kepada pembangunan sosial dan ketahanan negara kita," jelas Yang Berhormat.

Aplikasi Mengalinga, Kempen Hari Bertindak

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan komited memudah cara penglibatan sukarelawan melalui pendekatan yang lebih tersusun dan relevan dengan perkembangan digital semasa. Sehubungan itu, Yang Berhormat menyeru para sukarelawan individu, persatuan belia dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk mendaftar dan serta mengaktifkan akaun masing-masing melalui aplikasi Mengalinga, iaitu pangkalan data rasmi yang membolehkan penyelarasan, pengiktirafan dan pengukur sumbangan sukarelawan di peringkat kebangsaan.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat turut mengumumkan pelancaran Kempen Hari Bertindak (Day of Action - D.o.A). Sejak diperkenalkan pada tahun 2015, kempen tersebut telah berjaya merekodkan sebanyak 723 aktiviti dengan melibatkan 565 agensi

serta penyertaan 25,602 sukarelawan di seluruh negara.

Bagi tahun ini, kempen D.o.A. akan bermula secara rasmi pada 5 Disember 2025 dan berlangsung sehingga 31 Januari 2026. Ini adalah peluang terbaik untuk seluruh lapisan masyarakat, terutamanya golongan belia, untuk tampil merancang serta melaksanakan aktiviti kesukarelawanan yang menyokong menjayakan matlamat pembangunan negara.

Setiap aktiviti di bawah kempen ini digalakkan untuk didaftarkan melalui aplikasi Mengalinga bagi memastikan data penglibatan sukarelawan dan aktiviti dapat direkodkan secara strategik.

Memperkasa peranan sukarelawan ke arah komuniti mampan

Secara keseluruhannya, Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa bukan sahaja menjadi wadah untuk menghargai jasa dan pengorbanan para sukarelawan, malah berfungsi sebagai pemangkin kepada usaha memperkukuh budaya kesukarelawanan dalam masyarakat. Melalui inisiatif seperti IVY 2026, aplikasi Mengalinga serta Kempen Hari Bertindak, NBD berada pada landasan yang kukuh untuk memperluaskan penglibatan rakyat dalam aktiviti kemasyarakatan yang berimpak tinggi. Semangat kesukarelawanan yang berteraskan nilai murni seperti bermucang-mucang dan bergotong-royong wajar terus dipupuk agar menjadi kekuatan budaya dan sosial yang berpanjangan. Dengan sokongan berterusan daripada semua lapisan masyarakat, usaha membina komuniti yang inklusif, penyayang dan mampan dapat direalisasikan demi kesejahteraan negara pada masa hadapan.





Persekutuan Rusia, Republik India tandatangani 29 dokumen bersama selepas perbincangan Putin - Modi

NEW DELHI, 6 Dis. - Persekutuan Rusia dan Republik India menandatangani 29 dokumen bersama selepas perbincangan antara Presiden Persekutuan Rusia Vladimir Putin dan Perdana Menteri Republik India Narendra Modi, lapor koresponden RIA Novosti pada Jumaat.

Putin tiba di New Delhi pada Khamis untuk lawatan dua hari.

Antara dokumen yang ditandatangani termasuk program pembangunan bidang strategik kerjasama ekonomi sehingga 2030 serta perjanjian kerjasama dalam sektor kesihatan, pendidikan, perubatan dan sains. Kedua-dua negara turut menandatangani protokol kerjasama bagi pertukaran maklumat lanjut mengenai barangan dan kenderaan yang dihantar antara Persekutuan Rusia dan Republik India.

Selain itu, memorandum persefahaman antara Lembaga Maritim Rusia dan Kementerian Pelabuhan, Perkapalan dan Laluan Air India serta memorandum latihan pakar bagi kapal yang beroperasi di perairan kutub turut dimeterai. Persekutuan Rusia dan Republik India juga menandatangani perjanjian hasrat untuk membina loji pengeluaran bahan aktif

farmaseutikal di Wilayah Kaluga, Persekutuan Rusia.

Pengeluar baja Persekutuan Rusia Uralchem menandatangani perjanjian kerjasama dengan Rashtriya Chemicals and Fertilisers Limited India, National Fertilisers Limited dan Indian Potash Limited. Sementara itu, Russian Post menandatangani perjanjian dengan Jabatan Pos di bawah Kementerian Komunikasi India.

Dokumen lain yang ditandatangani termasuk perjanjian kerjasama dalam penyimpanan, pemprosesan dan penghantaran data dalam sistem angkasa antara Russian National Research University Higher School of Economics dan Universiti Delhi; memorandum persefahaman antara Universiti Negeri Tomsk Rusia dan Institut Teknologi Lanjutan Pertahanan India; serta perjanjian kerjasama antara Universiti Negeri Moscow Lomonosov, Syarikat Pengurusan Saham Bersama Dana Pelaburan Langsung Rusia dan Universiti Mumbai.

Dalam bidang media, Gazprom-Media Holding Rusia, National Media Group, saluran RT dan Big Asia Media Group menandatangani beberapa memorandum persefahaman untuk

kerjasama penyiaran dengan penyiar Republik India, Prasar Bharati.

Kesatuan Industri dan Usahawan Rusia serta Konfederasi Industri India turut memeterai memorandum persefahaman, manakala Pusat Eksport Rusia menandatangani memorandum dan perjanjian kerjasama dengan Invest India, agensi promosi pelaburan kebangsaan negara itu.

Selain itu, Pusat Eksport Rusia turut menandatangani memorandum berasingan dengan Persekutuan Organisasi Eksport India, manakala Yayasan Roscongress Rusia menandatangani perjanjian kerjasama dengan Dewan Perniagaan dan Industri Bersekutu India serta Konfederasi Industri India.

Muzium Simpanan Sejarah, Seni Bina, Seni dan Landskap Negeri Tsaritsyno di Moscow dan Muzium Kraf Kebangsaan & Akademi Hastkala di New Delhi bersetuju mengenai syarat penganjuran, pelaksanaan dan peminjaman pameran berfokuskan budaya bertajuk "India. Fabric of Time".

Kedua-dua pihak bertukar dokumen semasa rundingan di New Delhi. - ©BERNAMA

Great Bay University bakal memudahkan inovasi saintifik, industri baharu



ANTARA kampus Great Bay University (GBU) di Bandar Dongguan, Wilayah Guangdong, selatan Republik Rakyat China.

GUANGZHOU, 7 Dis. - Majlis perasmian Great Bay University (GBU) telah diadakan pada Sabtu, 6 Disember 2025.

Terletak di Bandar Dongguan di Wilayah Guangdong selatan Republik Rakyat China, universiti ini mempunyai dua kampus yang meliputi kira-kira 2,000 mu (kira-kira 133.3 hektar) secara keseluruhan. Pada mulanya, ia menubuhkan lima program sarjana muda biasa, iaitu Matematik dan Matematik Gunaan, Fizik, Sains Bahan dan Kejuruteraan, Sains dan Teknologi Komputer, dan Kejuruteraan Industri.

Sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam, yang ditaja oleh Kerajaan Wilayah Guangdong dan disokong oleh Kerajaan Perbandaran Dongguan, universiti ini menerima kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Republik Rakyat China pada bulan Jun. Seramai 80 pelajar baharu telah memulakan semester pertama mereka sejak Ogos.

Tian Gang, presiden pengasas GBU dan ahli akademik Akademi Sains Republik Rakyat China, berkata pada majlis perasmian hari Sabtu bahawa universiti itu akan menyediakan bakat berkualiti tinggi untuk pembangunan pantas kuasa produktif baharu di Dongguan serta Kawasan Teluk Besar Guangdong-Hong Kong-Macao, dan untuk memudahkan inovasi saintifik dan teknologi serta pembangunan industri baharu muncul di sana.

Beliau menyatakan bahawa GBU akan bekerjasama dengan pelbagai universiti, institusi penyelidikan dan perusahaan terkemuka untuk bersama-sama memupuk pelajar pascasiswazah.

Sebagai salah satu wilayah paling dinamik dari segi ekonomi di Republik Rakyat China, Keluaran Dalam Negara Kasar Kawasan Teluk Besar mencapai 14.79 trilion yuan (kira-kira USD2.1 trilion) pada tahun 2024, melebihi kawasan Teluk New York dan San Francisco. - ©XINHUA

PBB lanjutkan mandat agensi pelarian Palestin selama 3 tahun

HAMILTON (Kanada), 6 Dis. - Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meluluskan satu resolusi pada Jumaat untuk memperbaharui mandat Agensi Bantuan dan Kerja Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian Palestin di Asia Barat (UNRWA), lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam pengundian yang dijalankan di Perhimpunan Agung itu, resolusi berkenaan menerima 151 undi menyokong, 10 menentang dan 14 berkecuali.

Menyambut baik keputusan memperbaharui mandat tersebut, Ketua Pesuruhjaya UNRWA Philippe Lazzarini berkata di platform media sosial X bahawa keputusan itu "mencerminkan solidariti luas masyarakat dunia terhadap Pelarian Palestin".

"Ia satu pengiktirafan terhadap tanggungjawab komuniti antarabangsa untuk menyokong keperluan kemanusiaan dan pembangunan Pelarian Palestin sementara menunggu penyelesaian yang adil serta berkeadilan terhadap penderitaan mereka yang berlarutan selama beberapa dekad," katanya.

Lazzarini turut menggesa agar keputusan itu "diterjemah kepada komitmen sebenar bersama sumber yang sepadan bagi memastikan mandat berkenaan dapat dilaksanakan".

UNRWA ditubuhkan oleh Perhimpunan Agung PBB lebih 70 tahun lepas untuk membantu rakyat Palestin yang dipindahkan secara paksa dari tanah mereka.

Agensi itu kini berdepan masalah kewangan serius sejak Israel melancarkan kempen fitnah terhadap UNRWA, mendakwa kakitangannya terlibat dalam serangan pada 7 Oktober.

Walaupun UNRWA meminta Kerajaan Israel mengemukakan maklumat dan bukti bagi menyokong dakwaan berkenaan, agensi itu tidak menerima sebarang maklum balas. Ekoran tuduhan Israel itu, beberapa negara penderma utama, termasuk AS, menggantung atau menangguhkan pembiayaan mereka. - ©BERNAMA

Kematian 95 peratus penguin Afrika dekat Cape Town akibat tangkapan ikan berlebihan - Kajian

MOSCOW, 6 Dis. - Penangkapan berlebihan ikan sardin di pantai selatan Afrika Selatan berkemungkinan menyebabkan lebih 60,000 penguin Afrika - mewakili 95 peratus populasi pembiakan di dua koloni berhampiran Cape Town - mati kebuluran dari 2004 hingga 2011, menurut kajian oleh kumpulan saintis antarabangsa, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Kadar kematian tinggi dalam kalangan penguin Afrika Spheniscus demersus di Afrika Selatan selepas 2004 berkemungkinan disebabkan oleh kebuluran," menurut kajian itu.

Kajian yang diterbitkan dalam Ostrich: Journal of African Ornithology pada Khamis itu mendapati kira-kira 62,000 burung yang membiak di Pulau Dassen dan Robben dalam tempoh berkenaan mati akibat peningkatan

penangkapan ikan Sardinops sagax, iaitu sumber makanan utama mereka.

Kadar eksploitasi penangkapan sardin di kawasan barat Cape Agulhas kekal melebihi 20 peratus daripada populasinya antara 2005 dan 2010, dan mencapai paras tertinggi 80 peratus pada 2006.

Kajian itu menyimpulkan bahawa kadar kematian besar-besaran di sekitar Pulau Dassen dan Robben berkait rapat dengan kegagalan penguin menambah berat badan secukupnya bagi menghadapi musim luruh bulu.

Penguin Afrika memerlukan sumber makanan yang stabil kerana ia sangat penting untuk kelangsungan hidup dalam tempoh praluruh bulu. Kajian itu mendapati bahawa kebanyakan penguin yang berjaya meluruhkan bulu mampu pulih dan kembali ke koloni untuk bersarang, berbeza dengan burung

yang gagal melalui proses itu dan berkemungkinan besar mati kebuluran.

"Dengan populasi global jatuh kepada kurang daripada 10,000 pasangan buat pertama kali pada 2023, adalah kritikal sekarang untuk melakukan segala usaha bagi mengelakkan pengurangan selanjutnya dalam saiz koloni penguin Afrika," menurut kajian itu, sambil menambah bahawa penutupan kawasan perikanan berhampiran koloni dan pengurusan tekanan penangkapan ikan terhadap populasi sardin dan bilis Afrika Selatan dapat membantu mengurangkan penyusutan koloni.

Pada 2024, Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN) meningkatkan status risiko kepupusan penguin Afrika kepada "terancam kritikal". - ©BERNAMA

IMF pertimbang permohonan bantuan kecemasan US\$200 juta Sri Lanka selepas bencana siklon

ANKARA, 6 Dis. - Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) berkata pada Jumaat pihaknya sedang meneliti permohonan Sri Lanka untuk pembiayaan kecemasan berjumlah US\$200 juta susulan kemusnahan akibat Siklon Ditwah, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Ketua Misi IMF bagi Sri Lanka Evan Papageorgiou berkata dalam satu kenyataan bahawa Kerajaan Sri Lanka telah memohon bantuan kewangan di bawah Instrumen Pembiayaan Pantas (RFI) berjumlah 150.5 juta Hak Pengeluaran Khas (SDR), bersamaan kira-kira 26 peratus kouta IMF negara itu atau sekitar US\$200 juta.

"Permohonan itu kini sedang dipertimbangkan dan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Eksekutif IMF," kata Papageorgiou menurut kenyataan itu.

Siklon yang melanda negara pulau berkenaan awal minggu ini membawa kemusnahan besar serta mencetuskan cabaran kemanusiaan dan ekonomi yang ketara.

"Susulan impak dahsyat dan kemusnahan meluas yang dicetuskan oleh Siklon Ditwah, kami merakamkan ucapan takziah kepada rakyat Sri Lanka," kata Papageorgiou.

IMF turut mengulangi komitmennya terhadap usaha pemulihan serta pengukuhan daya tahan masa depan negara itu.

"IMF kekal berhubung rapat dengan pihak berkuasa Sri Lanka dalam tempoh mencabar ini dan komited menyokong negara itu ketika ia melaksanakan usaha mendesak untuk pulih, membina semula dan meningkatkan

ketahanan pada masa depan," menurut kenyataan itu.

RFI direka untuk menyediakan bantuan kewangan segera kepada negara anggota yang berdepan keperluan mendesak imbalan pembayaran, termasuk yang berpunca daripada bencana alam. Kelulusan Lembaga Eksekutif IMF diperlukan sebelum dana boleh disalurkan.

Di Sri Lanka, angka korban akibat Siklon Ditwah meningkat kepada 607 orang, dengan 214 masih hilang sejak ribut itu melanda pada 17 November, menurut laporan Pusat Pengurusan Bencana negara itu pada Jumaat.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) berkata sekurang-kurangnya 185 orang terbunuh di selatan Thailand, manakala 367 lagi masih hilang. Empat kematian dilaporkan di India dan tiga di Malaysia susulan cuaca buruk. - ©BERNAMA

KONTINJEN NBD KE SUKAN SEA BERLEPAS KE BANGKOK



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) semasa sesi bergambar ramai bersama kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, Tahun 2025.

World Championship di Republik Rakyat China.

Harapan yang sama juga diluahkan oleh Dayang Farhah Syahirah binti Mohamad Shamrin, salah seorang atlet karate negara yang mengimpikan untuk meraih pingat pada temasya berkenaan.

Menurutnya, Ini merupakan penyertaannya kali keempat pada temasya Sukan SEA sejak 2019, dan kali ini, pasukan karate negara akan menyertai dalam empat acara.

"Saya mengimpikan untuk mendapat tempat di podium dan benar-benar berharap agar kami dapat melakukan yang terbaik dan memberikan prestasi terbaik dalam semua acara kami.

"Kami juga telah melakukan latihan sepanjang tahun selain menyertai beberapa acara lain yang menjadi *warm-up* menjelang Sukan SEA ini," ujarnya.

Rombongan seterusnya akan bertolak ke Bangkok, Thailand pada Selasa, 9 Disember 2025.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Ahad, 7 Disember. – Rombongan pertama kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA)

Ke-33, Tahun 2025 berlepas ke Bangkok, Thailand lewat petang tadi bagi menyertai kejohanan berkenaan yang dijadualkan berlangsung secara rasminya mulai 9 hingga 20 Disember 2025.

Kontinjen negara seramai 36 ahli terdiri daripada 21 atlet

sukan karate, sepak takraw dan taekwondo serta 15 pegawai termasuk Assistant Chef de Mission, Pegawai Urus Setia, Pegawai Perubatan dan Jurulatih.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa

Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan ucapan serta kata-kata semangat kepada rombongan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Shahram bin Haji Abd. Rahman, diikuti dengan ucapan kepada kontinjen NBD dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Hadir sama ialah pegawai-pegawai kanan KKBS, Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan dan keluarga atlet.

NBD dalam temasya Sukan SEA Ke-33 akan menyertai sembilan acara sukan daripada 54 sukan yang dipertandingkan, iaitu akuatik renang, angkat berat, bola jaring, karate, pencak silat, polo, sepak takraw, taekwondo dan wushu.

Atlet sukan taekwondo tunggal

negara, Awang Muhammad Abrar @ Muhammad Bisyükri bin Haji Bakar, yang pertama kali menyertai temasya Sukan SEA menzahirkan harapan untuk membawa pulang sebarang pingat pada temasya berkenaan nanti.

Mengongsikan antara persiapan menjelang Sukan SEA Ke-33 berkenaan, beliau menyatakan telah membuat latihan intensif di Republik Korea selama dua minggu.

Untuk memantapkan lagi prestasinya, beliau sebelum ini juga telah menyertai tiga kejohanan di luar negeri termasuk kejohanan



AWANG Muhammad Abrar @ Muhammad Bisyükri bin Haji Bakar dan Dayang Farhah Syahirah binti Mohamad Shamrin semasa ditemu bual (kiri sekali dan kiri).

Melahirkan pemain badminton berpotensi

Siaran Akhbar dan Foto : The Racquetters.bn

BELAIT, Ahad, 7 Disember. - Bagi meninjau kemahiran pemain masing-masing setelah menjalani program latihan yang bersistematik, satu Perlawanan Badminton Persahabatan di antara BSRC Badminton Club dan Racket Rhythm telah diadakan pagi tadi di Dewan Badminton Kelab Rekreasi Brunei Shell (BSRC), Panaga, Seria, di sini.

BSRC Badminton Club merupakan di bawah bimbingan The Racquetters dan Arzhoo Badminton dari Daerah Belait,

manakala Racket Rhythm dari Daerah Brunei dan Muara merupakan kelab-kelab badminton persendirian yang membukakan program latihan badminton untuk semua penggemar sukan berkenaan yang terdiri daripada semua peringkat umur dan kemahiran, serta memberi fokus kepada pemain remaja dan belia.

Perlawanan persahabatan yang merupakan kolaborasi tiga pasukan berkenaan dihasrat dapat memberikan gambaran am mengenai peningkatan sukan

badminton negara ini daripada peringkat akar umbi, dan seterusnya membantu melahirkan pemain-pemain yang berpotensi untuk diserapkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Selain itu, ia dapat mengeratkan silaturahim antara semua pemain yang terdiri daripada pemain junior, belia dan juga dewasa dari daerah berlainan.

Maklumat mengenai program latihan yang ditawarkan, bolehlah didapati di akaun Instagram @theracquetters.bn, @arzhoo.badminton dan @racketrhythm.



PARA pemain bergambar ramai pada Perlawanan Badminton Persahabatan yang berlangsung di Dewan Badminton Kelab Rekreasi Brunei Shell (BSRC), Penaga, Seria.

Rimba Star FC menang 3-1



ANTARA aksi para pemain pada perlawanan Liga Super Brunei (BSL) bagi Musim 2025/2026.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Disember. - Pasukan Rimba Star FC menewaskan pasukan Lun Bawang FC dengan jaringan 3 - 1 pada perlawanan Liga Super Brunei (BSL) bagi Musim 2025 / 2026 yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas, baru-baru ini.

Pada separuh masa pertama, Rimba Star FC membuka tirai jaringan seawal minit kelapan menerusi jaringan Oscar Chinenye Uchendu. Gol tersebut memberikan momentum kepada pasukan berkenaan dan meletakkan mereka dalam kedudukan selesa pada babak pertama permainan.

Memasuki separuh masa kedua, Lun Bawang FC bangkit dan berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-52 melalui jaringan Awang Muhammad Andika Aqwan bin Muhammad Firdaus.

Namun, kegembiraan tersebut tidak bertahan lama apabila hanya seminit kemudian, Kurmin @ Awang Ridhwan bin Awang Haji Bini kembali meletakkan Rimba Star di hadapan dengan gol pada minit ke-53.

Rimba Star FC terus mengukuhkan kedudukan mereka ketika perlawanan hampir tamat apabila pada minit ke-86, Awang Shah Rizan bin Haji Mohd. Reymoon menjaringkan gol ketiga Rimba Star FC, sekali gus mengesahkan kemenangan pasukan tersebut.

Perlawanan berakhir dengan keputusan memihak kepada Rimba Star FC.

Sebanyak 12 kelab bola sepak bersaing pada perlawanan BSL musim ini yang bermula pada 19 September lepas.

Kelab-kelab tersebut ialah BSRC Football, MS PPDB, Jerudong FC, Indera SC, Wijaya FC, Kasuka FC, KB FC, Hawa FC, Lun Bawang FC, MS ABDB, Kota Ranger FC, dan Rimba Star FC.



RENTAS DESA PPDB PUPUK GAYA HIDUP SIHAT



■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Ahad, 7 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), kelmarin, telah menganjurkan acara Rentas Desa bagi tahun 2025 yang bertujuan memupuk gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan warga pasukan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin serta isteri.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan sesi senamrobik yang dikendalikan oleh Jurulatih Jasmani (PTI) PPDB.

Acara larian merangkumi dua jarak iaitu 6 kilometer (km) dan 3.5km yang melibatkan pelbagai kategori termasuk Terbuka Lelaki dan Wanita berumur 39 tahun ke bawah, kategori Masters serta acara santai jog.

Secara keseluruhan, seramai 245 peserta mengambil bahagian dalam jarak 6km manakala 196 peserta menyertai jarak 3.5km, dengan penyertaan terbesar dicatatkan oleh kategori Anggota Lelaki Masters seramai 122 orang.

Pelepasan bagi kedua-dua jarak disempurnakan oleh ketamu kehormat, diiringi oleh Pengerusi Majlis Sukan PPDB, Penguasa Kanan Polis Awang Haji Khairul Amilin bin Haji Idris.

Acara diakhiri dengan Majlis Penyampaian Pingat kepada 70 orang pemenang.

Anugerah khas iaitu 'Anugerah Cawangan Bagi Pingat Terbanyak' turut diumumkan, menekankan simbol semangat Berpasukan, Daya Saing, dan Kesukanan yang tinggi di kalangan cawangan-cawangan PPDB.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

RENTAS Desa bagi tahun 2025 anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei dimulakan dengan sesi pemanasan badan (atas kiri), dan acara tersebut telah menarik seramai 563 peserta secara keseluruhan.

Menyediakan pengalaman berharga kepada pembangunan, kemajuan pemain



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat hadir merasmikan kejohanan berkenaan (kiri sekali), manakala gambar kiri, antara aksi yang dipaparkan ketika kejohanan berlangsung.

berkenaan sebagai satu langkah positif kepada permainan futsal dalam kalangan kategori akar umbi.

Katanya, kejohanan berkenaan tidak syak lagi sebagai cara untuk menyerlahkan bakat pemain-pemain muda yang akan menjadi pelapis untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi pada masa akan datang.

"Saya berharap kejohanan ini akan terus diadakan sebagai satu langkah memberikan pengalaman kepada pemain-pemain yang kebanyakannya dalam proses pembangunan dari segi kemahiran dan seterusnya sebagai medan untuk meningkatkan pengalaman masing-masing," ujarnya.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Akademi Futsal Ar Rawda

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Disember. - Kejohanan Ar Rawda Academy International Futsal Cup membuka tirai dengan menampilkan persaingan yang menyerlah daripada pemain-pemain futsal bawah 11 tahun (B11) dan bawah 13 tahun (B13) di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir merasmikan kejohanan berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat

Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, juga Ketua Kampung Putat, Daerah Brunei dan Muara.

Kejohanan berkenaan disertai oleh pasukan Akademi Futsal dari Republik Indonesia, Sabah, Sarawak dan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pasukan Akademi Futsal Ar Rawda mewakili NBD, manakala ABC Futsal Academy pula mewakili negeri Sarawak.

Turut menyertai ialah dua pasukan dari Republik Indonesia, iaitu AKAR Futsal Academy (AKAR FA) dan Panda Futsal Club, sementara Tiger Futsal Academy dari Tuaran mewakili negeri Sabah.

Ketua Jurulatih Ar Rawda, Awang Wahyu Trianto berkata, kejohanan berkenaan sangat memberi manfaat kepada semua pemain di peringkat akar umbi di samping menyifatkan persaingan sihat berkenaan akan membentuk, mendidik dan

menyediakan pengalaman yang sangat berharga kepada pembangunan dan kemajuan pemain di peringkat akar umbi.

Jelasnya, sekalipun Akademi Ar Rawda masih terlalu muda, namun semangat pemain-pemain muda kita sangat tinggi dan mempunyai misi tinggi untuk menyerlahkan potensi masing-masing.

Sementara itu, Ketua Jurulatih AKAR FA, Awang Dandy Arif Rinaldi menyambut baik inisiatif menganjurkan kejohanan

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

RASUAH, PERBUATAN KEJI DAN DILARANG DALAM AGAMA ISLAM